

Bil. 54

**Selasa
29 Oktober 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Ruangan 1) |
| RANG UNDANG-UNDANG Rang Undang-undang Perbekalan 1997 | (Ruangan 16) |
| USUL: Anggaran Pembangunan 1997 | (Ruangan 16) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lepar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWANRAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAIKANAN**

| | | |
|---------------------------|---|---|
| Setiausaha Dewan Rakyat | : | Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K. |
| Ketua Penolong Setiausaha | : | Said bin Sidik |
| Penolong Setiausaha Kanan | : | Zamani bin Haji Sulaiman |
| Penolong Setiausaha | : | Haji Mustakin bin Selamat |

CAWANGAN DOKUMENTASI

| | | |
|-----------------------------|---|---|
| Pegawai Penerbitan | : | Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor |
| Pembaca Pruf | : | Abu Bakar bin Hasan |

CAWANGAN BENTARA

| | | |
|-------------------|---|--|
| Bentara Mesyuarat | : | Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh |
|-------------------|---|--|

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29 Oktober 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM – PENINGKATAN MUTU**

1. Tuan Hashim bin Ismail [Ledang] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai perkhidmatan awam kita setelah agak banyak insentif yang diberikan. Dan apakah kayu pengukur yang digunakan untuk menentukan berlakunya peningkatan mutu perkhidmatan mereka selaras dengan hasrat dan harapan kerajaan dan rakyat yang semakin meningkat sekarang ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan yang telah ditunjukkan oleh anggota-anggota perkhidmatan awam ketika ini. Kerajaan telah merancang dan melaksanakan sistem baru bagi menentukan keberkesanan perkhidmatan kerajaan. Kenaikan gaji dan insentif lain yang diberikan oleh kerajaan terbukti telah memberikan kesan baik terhadap mencapai matlamat ini.

Buat makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk memastikan wujudnya peningkatan dalam mutu perkhidmatan anggota-anggotanya. Antara program yang telah diperkenalkan ke arah mencapai matlamat tersebut ialah:

- Pengenalan Manual Prosedur Kerja;
- Fail Meja;
- Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter;
- Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja;
- Sistem Perakaunan Mikro;
- Pengurusan Kualiti Menyeluruh ataupun TQM;
- Piagam Pelaksanaan dan lain-lain.

Bagi mengukur peningkatan mutu perkhidmatan anggota sektor awam, antara lain kerajaan telah memperkenalkan borang Sasaran Kerja Tahunan yang mana mesti diisi oleh semua anggota. Sasaran Kerja Tahunan ini adalah merupakan salah satu instrumen yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan untuk menilai pencapaian individu, pencapaian peringkat unit, bahagian, program dan seterusnya kementerian.

Selain dari itu, kerajaan juga telah memperkenalkan konsep ISO 9000 pada bulan Julai, 1996 untuk digunapakai oleh perkhidmatan awam. ISO 9000 ini adalah satu standard bertulis yang menetapkan dan menyenaraikan elemen-elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan kehendak pelanggan. Standard Sistem Kualiti ISO 9000 ini menghendaki organisasi mengenal pasti kehendak pelanggan mereka, merancang dan mengawal proses yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi kehendak tersebut, menyediakan latihan yang sesuai dan secukupnya bagi individu yang terlibat dalam sistem kualiti dan menjalankan

pengauditan bagi memastikan keberkesanan proses-proses dalam sistem kualiti pencapaian matlamatnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Dato' Timbalan Menteri sejauh manakah Skim Saraan Baru gaji kakitangan telah dapat memberikan keadilan kepada seluruh kakitangan? Adakah cadangan kerajaan untuk mengolah semula format SSB ini termasuk format SKT yang kebanyakannya dibuat berdasarkan kepada andaian semata-mata, tidak diukur secara yang sebetulnya. Malah SKT ini hanya diolah semula dan dikaji dalam bulan Oktober pada setiap tahun sedangkan sasaran kerja tahunan seseorang pegawai itu mencakupi sehingga bulan Disember dan di manakah sistem ini boleh memberikan keadilan kepada kakitangan?

Dan juga adakah setakat ini kerajaan berpuas hati dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan sejak tahun 1991 hingga 1995 kerana kita dapati banyak lagi jabatan-jabatan yang tidak melaksanakan MOP, Fail Meja dan sebagainya. Apa yang jelas kita lihat ialah kadang-kadang sikap setengah kakitangan itu, operator telefon umpamanya, tidak langsung memakai dan menggunakan pakai manual prosedur seorang operator telefonis dan sebagainya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bagi sesuatu organisasi untuk menilai dengan detail kerja-kerja seseorang pekerja memanglah sukar. Di dalam kerajaan dahulunya kita menggunakan sistem yang lain dan kemudian kita pilih untuk menggunakan SSB. Di peringkat awal ada banyak kompelin dan perkara ini telah juga diberikan perhatian. Saya dimaklumkan bahawa kelemahannya bukan terletak di dalam sistem, tetapi terletak pada pelaksanaan dan selepas latihan-latihan ini diadakan bagaimana hendak menjalankan SSB ini, maka ianya telah pun meningkatkan dan kurang orang yang tidak puas hati dengannya.

Dari segi pengguna sistem Fail Meja dan lain-lainnya, ini memang sudah dilaksanakan tetapi mungkin ada pihak-pihak seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat, sungguhpun sudah tahu tetapi memilih untuk tidak mengikutinya, saya harap ini diserahkan kepada pegawai-pegawai yang mengawasi pekerja-pekerja ini untuk secara setia menjalankan tanggungjawab mereka. Insya-Allah, ini akan kita ambil perhatian dan saya akan maklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya menyampaikan maklumat yang dapat pada hari ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengeluarkan rasa tidak puas hati tentang perjalanan pelaksanaan program ataupun dasar oleh pegawai-pegawai kerajaan. Jadi, apakah jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan berpuas hati dengan Timbalan Perdana Menteri mengatakan tidak berpuas hati dan kebanyakan wakil rakyat sendiri pun kadang-kadang berasa tidak puas hati kerana peruntukan yang diberi tidak sampai kepada sasarannya.

Di samping itu juga, kita boleh lihat peruntukan yang disalurkan melalui kementerian-kementerian, kadangkala tidak dapat diselesaikan, tidak dapat digunakan, di manakah kepincangannya kelemahan-kelemahan ini?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan pegawai-pegawai kerajaan kerana hari ini kita dapat melihat setengah-setengah negeri mempunyai pegawai tadbir yang khidmat negeri mereka dan ini kadang-kadang juga tidak selaras dengan PTD. Jadi, ini juga kadang-kadang akan melewati tadi ataupun perjalanan kerana banyak birokrasi, jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan supaya kita ada satu pegawai pentadbir di semua peringkat di negeri dan juga di peringkat pusat supaya dapat berjalan dengan baik demi untuk kesejahteraan rakyat?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak silap, Timbalan Perdana Menteri semalam bercakap bahawa beliau tetap puas hati secara umum dengan kerja-kerja dan prestasi pegawai-pegawai kerajaan.

Walau bagaimanapun, ada kelemahan-kelemahan tertentu di bidang-bidang tertentu, maka saya ingat Yang Amat Berhormat mengatakan supaya bahagian-bahagian yang mempunyai kelemahan ini patut diberikan perhatian supaya prestasi kerajaan menyeluruh dapat dipertingkatkan. Jadi, dalam jawapan saya tadi pun mengatakan secara menyeluruh kita berpuas hati.

Tentang menyelaraskan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan, ini berasas kepada Perlembagaan dan saya ingat pada masa ini belum ada apa-apa tindakan yang konkrit dibuat oleh kerajaan untuk menyelaraskan kedua-dua perkara ini, sungguhpun perkara ini biasa dibincang di pihak-pihak yang tertentu.

KEGIATAN JENAYAH DAN ANTI SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR

2. **Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar bahawa kadar jenayah dan kegiatan anti sosial dikalangan kaum India amat berleluasa kebelakangan ini; dan
- (b) apakah ini disebabkan oleh pendidikan agama di kalangan pelajar bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan amat prihatin tentang kegiatan jenayah dan kegiatan anti sosial yang dilakukan bukan sahaja oleh kaum India bahkan juga oleh semua kaum. Untuk makluman, jumlah pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dalam pelbagai isu anti sosial ini sehingga 31 Disember 1995 ialah 2,173 orang. Daripada bilangan tersebut 1,714 – Melayu, 271 – Cina, 181 – India dan 7 lain-lain.
- (b) Pelbagai jenis masalah sosial biasanya disebabkan oleh banyak faktor yang terdapat di persekitaran hidup seseorang. Pendidikan Moral diajar di sekolah, tetapi unsur-unsur luaran lain juga boleh mendorong seseorang itu menjadi masalah sosial dan kementerian juga sedang memperbanyakkan perlantikan guru-guru kaunseling dan menggalakkan pelajar-pelajar memasuki aktiviti badan beruniform, didapati penglibatan pelajar dalam badan beruniform ini dapat meningkatkan disiplin seseorang itu. Sebab itu Kementerian Pendidikan telah melancarkan kempen di sekolah-sekolah untuk menggalakkan pelajar meyertai badan-badan beruniform.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan, apakah pendekatan yang lazim dipilih oleh Kementerian Pendidikan apabila terdapat kes-kes jenayah ataupun tidak berdisiplin ini di kalangan kanak-kanak sekolah. Sebab saya dapati, adalah setengah-setengah sekolah walaupun ia mempunyai guru kaunseling, pihak berkuasa sekolah lebih berminat untuk melaporkan kejadian-kejadian yang dianggap jenayah di kalangan kanak-kanak sekolah ini misalnya bergaduh di sekolah dilaporkan kepada pihak polis daripada menyelesaikan secara sendiri, misalnya rundingan dengan persatuan ibu bapa dan sebagainya.

Saya ingin penjelasan apakah pendekatan yang dipilih, yang direkomen ataupun yang diminati oleh Kementerian Pendidikan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang kita gunakan terutama sekali kita utamakan menerusi rundingan, di mana bila berlaku sesuatu perkara biasanya sama ada guru disiplin ataupun guru kaunseling akan memanggil ibu bapa yang berkaitan dan kita juga memberikan penerangan dan penjelasan kepada persatuan-persatuan ibu bapa dan guru-guru dan lain-lain badan yang ditubuhkan pada peringkat sekolah, cuma apabila berlaku sesuatu kes yang sudah sampai ke tahap bercorak jenayah, maka pada peringkat ini ianya akan dilaporkan kepada pihak polis tetapi di mana yang boleh kita banyak menyelesaikan kes-kes ini melalui rundingan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak Yang Berhormat Dato' menjelaskan kenapa daripada angka 2,173 pelajar-pelajar yang terlibat dalam jenayah itu seramai 1,714 pelajar ada terdiri daripada orang-orang Melayu, sedangkan di kalangan bangsa asing misalnya Cina atau kaum lain dan India hanya sedikit. Apakah faktor yang sebenarnya?

Dan pelanggaran jenayah atau kelakuan jenayah ini apakah kebanyakannya berlaku di bandar ataupun di luar bandar?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh, seperti yang saya katakan tadi sebab-sebabnya itu banyak. Kita cuba berikan selain daripada didikan agama dan moral, agama untuk murid-murid Melayu dan Pendidikan Moral untuk murid-murid bukan Melayu, namun demikian, soalnya bagaimana dapat kita cuba membanteras kegiatan-kegiatan ini merupakan satu perkara yang mesti dimainkan bersama-sama oleh semua pihak termasuk ibu bapa.

Dan mengikut rekod yang ada, kejadian-kejadian ini berlaku baik di bandar mahupun di luar bandar. Dan pada hemat kita, kita berpendapat urusan untuk hendak menghadapi masalah-masalah ataupun persoalan-persoalan masyarakat ini mestilah dihadapi secara bersama-sama oleh semua pihak.

PEKERJA ASING – SYARAT PAS KERJA DAN PROSEDUR MASUK

3. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan pekerja asing yang dibawa masuk secara sah tidak menukar majikan mereka dengan sesukanya; dan
 - (b) syarat dan prosedur untuk membawa masuk pekerja teknikal dan profesional dalam bidang industri dan pembinaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pekerja asing adalah tidak dibenarkan sama sekali bertukar majikan tanpa kelulusan. Di dalam hal ini, pas kerja yang dikeluarkan adalah atas nama jawatan dan majikan berkenaan. Nama jawatan dan majikan ini tercatat di dalam pas yang dikeluarkan. Mana-mana pekerja yang didapati bertukar majikan bererti pekerja yang berkenaan telah melanggar syarat pas dan pas kerja tersebut adalah terbatal dengan sendirinya. Kehadiran pekerja yang mana pasnya terbatal adalah diganggap tidak sah dan menjadi pendatang tanpa izin.

- (b) Syarat untuk membawa masuk pegawai dagang sebagai pekerja teknikal dan profesional dalam semua bidang adalah seperti berikut:
- (i) tidak ada rakyat tempatan yang dapat mengisi jawatan tersebut;
 - (ii) gaji pokok bagi jawatan yang hendak diisi oleh pegawai dagang hendaklah yang melebihi RM1,200 sebulan;
 - (iii) jawatan yang memerlukan kemahiran dan kepakaran iaitu pekerja mahir, teknikal, profesional dan pengurusan pertengahan dan atasan.

Mana-kala prosedur pula adalah seperti berikut:

- (i) mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen dengan menggunakan borang-borang yang ditetapkan;
- (ii) pegawai dagang itu hendaklah masih berada di negara asal semasa permohonan dibuat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Mengenai pekerja-pekerja asing yang telah terbatal permit kerjanya kerana bertukar majikan, adakah mereka ini diberi peluang untuk bekerja dengan majikan-majikan yang baru? Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seorang pekerja yang pernah mempunyai permit kerja dan kemudian dibatalkan, Pasukan Petugas Khas perlu menyemak bilakah permit kerja itu sah – sehingga bila. Kalau terlalu lama dulu, pekerja itu masih di negara ini dan pekerja itu masih bekerja mungkin boleh ditimbang dari segi pas permit kerja dulu tamat sebelum pemutihan.

Kalau pada masa pemutihan, katakan permit itu masih sah ataupun belum mati, maka pekerja sebegini tidak boleh didaftar sebagai pendatang tanpa izin untuk sambung permit kerja semula. Untuk lebih adil kepada majikan asal dan kerajaan nasihatkan majikan asal itu lapor terus kepada pihak Jabatan PPPA apabila pekerja-pekerja mereka sudah lari, walaupun dia ada permit kerja. Kalau sudah lari, cepat-cepat beritahu PPPA, kita masuk dalam komputer dan kita semak kalau nama orang itu datang untuk daftar kita terus tangkap dan ambil tindakan terhadap majikan yang baru.

Jadi, nasihat kepada majikan baru, jangan ambil apa-apa pekerja daripada agen atau sesiapa pun dalam masa pemutihan ini kerana pemutihan ini hanya membenarkan mereka yang telah berada pekerja yang ada dengan majikan berkenaan sebelum 10 Julai tahun ini. sesiapa datang selepas itu atau tawaran orang itu selepas 10 Julai tidak boleh guna untuk didaftar semula.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya terangkan baru sebentar tadi itu ialah cara untuk kita mengatasi iaitu kita tidak benarkan majikan mulai sekarang ini, sesiapa majikan pun ambil pekerja yang sedia ada di negara ini daripada orang lain. Itu tidak dibenarkan dan kita akan ambil tindakan terhadap majikan yang baru ini kerana mereka inilah jadi culprit yang telah galakkan pekerja daripada tempat orang lain untuk tinggalkan tempat itu dan pergi tempat dia. Kali ini, kita akan masukkan semua dalam komputer dan kita akan kesan gunakan Akta Imigresen yang baru di mana mereka, majikan itu boleh dipenjarakan. Saya rasa kali ini lebih ketat dan lebih accurent itu ada, saya rasa ini merupakan satu amaran yang awal-awal selepas Parlimen ini luluskan Akta Imigresen, saya rasa majikan itu, kalau bersikap serupa maka mereka kena beratur masuk penjara.

**UMUR PERSARAAN – PERLANJUTAN 55 TAHUN
KEPADA 65 TAHUN**

4. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kementerian akan melanjutkan umur persaraan dari 55 tahun kepada 65 tahun memandangkan negara kita sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang serius.

Timbalan Menteri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang perburuhan di negara ini tidak menetapkan had umur bersara wajib bagi sektor swasta. Umur bersara wajib di sektor swasta, sekiranya ditetapkan adalah dibuat atas persetujuan majikan dan pekerjanya, dan dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan. Penetapan had umur bersara juga dicapai melalui rundingan di antara majikan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Perjanjian Bersama.

Namun demikian, kerajaan sudah mengadakan program khusus untuk menggalakkan pesara-pesara dari perkhidmatan awam untuk bekerja di sektor swasta. Sehubungan dengan ini, pihak kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 6 Ogos 1996 yang di antara lainnya menggariskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pesara dan bakal pesara perkhidmatan awam yang berminat untuk bekerja dengan sektor swasta. Sebagai galakan kepada majikan-majikan di sektor perkilangan dan perkhidmatan tertentu, Kementerian Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia menyediakan kemudahan bantuan kewangan pada kadar 100 peratus dari kos latihan yang dibenarkan untuk tujuan melatih semula pesara-pesara sektor awam yang mereka ambil untuk bekerja.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang begitu serius itu, saya meminta penjelasan, sejauh manakah langkah-langkah seperti *flexi hours*, menggalakkan suri rumahtangga atau kaum wanita bekerja semula dan sebagainya yang diambil oleh kementerian dalam mencapai matlamat asal? Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dukacita saya maklumkan bahawa segala tindakan yang telah diambil itu setakat ini tidaklah menunjukkan pencapaian yang dikehendaki. Namun demikian, ini adalah satu proses dan sudah tentu akan mengambil masa kerana ianya satu proses untuk menukar sikap. Namun demikian, program-program itu akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

KONSERT KUMPULAN ROCK SCORPION

5. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil Wan Mahmood [Tumpat]: minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah konsert kumpulan rock dari Barat seperti Scorpion dengan penampilan imej, budaya dan nilai jahiliah merupakan salah satu dari agenda kebudayaan dalam Wawasan 2020; dan
- (b) konsert anjuran Salem Cool Planet pernah diharamkan atas pertimbangan apakah ianya diharamkan dahulu. Kenapakah ianya dibenarkan sekarang dan apakah syarat-syarat kelulusannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa penampilan imej dan budaya kumpulan rock luar negeri seperti Scorpion bukanlah merupakan agenda kebudayaan dalam Wawasan 2020.

Walau bagaimanapun, kementerian berpendapat bahawa persembahan dan muzik asing di Malaysia tidaklah boleh dijadikan sebab yang membawa kepada

kehancuran budaya khususnya kepada anak-anak muda. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menetapkan peraturan yang terperinci untuk dipatuhi oleh artis-artis asing yang akan mengadakan persembahan di Malaysia yang sebahagian besarnya adalah persembahan konsert dan muzik.

Kerajaan mendapati bahawa persembahan Scorpion pada 11 September baru-baru ini berjalan dengan baik di mana pihak penganjur mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan penonton ternyata berkelakuan baik dan tidak memperlihatkan kelakuan yang tidak sopan. Di samping itu, anak-anak muda kita juga senantiasa didedahkan dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian tempatan melalui program-program anjuran kementerian ini bagi memastikan budaya tempatan dapat dihayati.

Konsert Cool Planet yang dahulunya dikenali sebagai Salem Mega Concert sebenarnya tidak diharamkan tetapi ianya hanya ditangguhkan penganjurannya mulai 11 Mei 1994. Penangguhan ini dibuat kerana menurut pihak Polis Diraja Malaysia, pihak penganjur Salem Mega Concert telah mengedarkan rokok dan minuman keras secara percuma kepada penonton-penonton semasa konsert sedang berlangsung.

Kerajaan telah menarik balik penangguhan Konsert Salem Cool Planet dengan mengenakan syarat bahawa pihak penganjur tidak mengedarkan rokok dan minuman keras kepada penonton serta memastikan suasana konsert tersebut tidak keterlaluan dan mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dibuat oleh para pensyarah Universiti Malaya baru-baru ini didapati 75% yang menonton konsert Scorpion adalah orang Melayu. 96% kajian yang dibuat terhadap 600 orang – 96% mengaku mereka tidak pernah sembahyang Maghrib dan Isya. Apakah ini pihak kementerian melihat satu gejala yang baik bila keputusan begini yang dibuat kajian oleh pensyarah Universiti Malaya – 96% daripada 75% orang Melayu, mereka kata tidak pernah menunaikan sembahyang Maghrib dan Isya, bagaimanakah komen daripada pihak kementerian terhadap gejala seperti ini ke atas belia-belia kita sekarang?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin menyatakan bahawa laporan itu belum diterima lagi oleh kementerian.

Yang keduanya, untuk makluman Yang Berhormat, satu-satu pertunjukan itu sudah tentu dilihat oleh pelbagai kaum dan ada di antara yang melihat itu mengamalkan unsur-unsur yang tidak baik. Jadi, di antara orang yang menyaksikan konsert itu, kalau betul-betul kajian itu dijalankan dengan terperinci, sudah tentulah berlaku apa Yang Berhormat katakan tadi. Tetapi kalau dilihat dari segi yang lebih besar, yang lebih luas, mengapa tidak Yang Berhormat membuat kenyataan bahawa setiap orang yang menagih dadah itu melihat televisyen? Saya yakin setiap penagih dadah melihat televisyen, tetapi tidaklah boleh kita katakan adalah unsur televisyen itu yang bertanggungjawab kepada penagihan dadah itu, ataupun setiap orang yang pergi ke sekolah memang melakukan jenayah, tetapi tidaklah kita katakan bahawa sekolah itu yang membuatkan dia penjenayah.

Begitu jugalah dengan konsert-konsert ini, memang benar saya akui ada di antaranya yang tidak sembahyang, yang begitu, yang begini, tetapi kita tidak ada bukti nyata yang mengatakan bahawa 'itulah' hanya sebabnya. Kalau dipandang daripada segi yang lain pula kita perlu pendedahan-pendedahan ini supaya anak-anak muda kita terhibur sedikit.

Saya yakin ramai di antara kita dalam Dewan ini pun dahulu pernah juga melihat pertunjukan konsert daripada Barat, melihat filem-filem Elvis Presley, Chubby Checker dan ada juga yang dahulunya 'kaki Bunga Tanjung' tetapi apabila dewasa mereka menjadi wakil rakyat, warganegara yang bertanggungjawab dan mungkin juga ada yang duduk di seksyen "B" ini. [Ketawa] - mungkin sebagai contoh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dapat lihat macam mana kita hendak mempertingkatkan seni budaya kita dan sebagainya. Jadi, dalam soalan ini, saya ingin juga mencadangkan supaya gabungan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari segi membangunkan budaya kita, kerana hari ini di tiap-tiap buah negeri pun kita tidak ada panggung budaya, ini mungkin juga kerana anak-anak muda ini tidak ada tempat untuk mereka hendak melihat seni budaya bangsanya sendiri. Jadi, bila datang yang haru-biru sedikit, dia seronok, dia pergi tengok, macam Michael Jackson, dia turun daripada bulan – ini keluar di Stadium Merdeka. Jadi, adakah perancangan kementerian untuk kita memperbanyakkan panggung budaya bagi mempertingkatkan lagi kebudayaan dan kesenian? Kerana kadang-kadang orang kita ini seni budaya dia tidak berapa mahu, sebab mereka jenis yang menari lembut dan sebagainya, jadi mereka mahu yang besar. Tetapi kalau kita adjust sedikit, budaya tarian, nyanyian kita dibuat ada rock sedikit

Seorang Ahli: Makyong ke Menora?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: macam dangdut. Sekarang ini dangdut – tidak tahulah, umur-umur ini dok pergi lagi, saya tidaklah. [Ketawa] Jadi, kita sesuaikan budaya sejajar dengan negara kita sebagai sebuah negara Islam dan tidak bercanggah dengan pengajaran Islam. Oleh itu, bolehkah kita buat macam kita adakan panggung, kita namakan 'Panggung Budaya P. Ramlee' atau 'Panggung Budaya Pak Wan'kah, kita sebut nama-nama itu?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, satu berita yang patut saya sampaikan juga kepada Ahli Yang Berhormat iaitu bermula pada tahun hadapan Rakan Muda Seni Budaya telah dipersetujui supaya dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Keduanya, Panggung Budaya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi sebenarnya telah dirancang untuk dibina di tiap-tiap negeri. Walau bagaimanapun, kita mempunyai masalah sedikit tentang tanah yang bersesuaian, tetapi pada hari ini Taman Budaya di Kedah telah beroperasi – tempat Yang Berhormat sendiri, di Perak dan di Pahang pelaksanaannya sedang berjalan. Manakala di negeri-negeri lain, walaupun peruntukannya sudah disediakan, tetapi kita masih lagi menunggu tempat yang sesuai untuk dibina taman budaya, di mana satu tempat yang boleh digunakan untuk latihan dan persembahan kebudayaan, bukan sahaja persembahan, tetapi latihan juga dibuat di situ.

Di samping itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengadakan pelbagai kegiatan sepanjang tahun, 'Kem Sosio-Budaya Berjalan' sentiasa diadakan, di mana anak-anak muda didedahkan kepada budaya-budaya yang baik dan dibimbing pula, mereka itu sebagai pemangkin (catalyst) kepada kumpulan-kumpulan mereka. Seperti Festival Tari kita adakan tiap-tiap tahun yang bermula dari peringkat daerah membawa kepada peringkat nasional.

Pekan teater kita adakan tiap-tiap tahun yang bermula daripada peringkat daerah membawa kepada zon dan membawa kepada nasional. Jadi, sepanjang tahun kalender kementerian memang penuh dengan kegiatan-kegiatan untuk mendedahkan budaya kebangsaan kepada anak-anak muda kita supaya mereka lebih menghayati budaya kebangsaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Cik Sukinam Domo.

[Soalan No. 6 – Y.B. Cik Sukinam Domo (Batang Sadong) tidak hadir]

**PINJAMAN MUDAH (SOFT LOAN) PROJEK PENSWASTAAN –
JUMLAH AMAUN**

7. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah amaun pinjaman mudah (soft loan) yang diberikan kepada projek-projek penswastaan sehingga kini. Juga namakan sepuluh projek yang diberikan pinjaman mudah paling besar oleh kerajaan dengan menyebut jumlah amaun yang diperolehi tiap-tiap projek.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah pinjaman mudah yang disediakan oleh kerajaan kepada projek-projek penswastaan ialah sebanyak RM5,122.05 juta. Senarai 10 projek penswastaan yang diberikan pinjaman mudah mengikut jumlahnya adalah seperti berikut:

| | Nama Projek | Jumlah (RM) (Juta) |
|--------|---|-----------------------|
| (i) | Lebuhraya Utara-Selatan | 1,650 |
| (ii) | Transit Aliran Ringan (LRT) Sistem II | 1,500 |
| (iii) | Transit Aliran Ringan (LRT) Sistem I – Fasa I | 150 |
| (iv) | Transit Aliran Ringan (LRT) Sistem I – Fasa II | 550 |
| (v) | Pembetulan Seluruh Negara | 475 |
| (vi) | Lebuhraya Tingkat di atas Sungai Kelang dan Sungai Ampang | 180 |
| (vii) | Kompleks Sukan Negara | 131 |
| (viii) | Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak | 127 |
| (ix) | Lebuhraya Shah Alam | 80 |
| (x) | Lebuhraya Damansara-Puchong-Putrajaya | 77 |

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat bagaimanakah kedudukan pembayaran balik pinjaman mudah oleh syarikat penswastaan sehingga kini dan berapakah syarikat yang melunaskan pinjaman dan berapakah yang gagal berbuat demikian dan apakah sebabnya? Bagi syarikat-syarikat yang gagal melunaskan pinjaman, apakah penalti yang dijatuhkan ke atas mereka?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ini diberi dan ada tempoh pertanggungjawaban bayaran di antara 10 hingga 15 tahun dan faedah akan dikenakan dalam tempoh pertanggungjawaban itu. Maka oleh kerana itu tidak berbangkit lagi soal bayaran balik yang tertangguh atau yang tidak dibayar.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apakah kriteria yang ditetapkan oleh pihak kementerian untuk memberikan pinjaman mudah? Kerana adakah ini bermakna mana-mana syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan akan diberikan pinjaman mudah yang tidak akan diberikan kepada syarikat atau peniaga-peniaga lain? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, apakah kos yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan kerana pinjaman mudah ini adalah berdasarkan satu kadar faedah yang lebih rendah berbanding dengan kadar faedah pasaran semasa?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pinjaman mudah ini diberikan kepada projek-projek yang melibatkan penggunaan awam seperti yang saya sebutkan tadi seperti lebuhraya, transit aliran, ini semua yang ada kaitan dengan kemudahan awam. Dan kadar faedah ialah lapan peratus setahun, jadi, tidaklah begitu banyak kurang jika dibandingkan dengan pinjaman yang dibuat daripada bank. Tidak ada kerugian dari segi kerajaan kerana ini

merupakan semua projek yang boleh membayar balik pinjaman ini. Dan oleh kerana projek ini merupakan projek yang besar sudah tentulah di antara syarat-syaratnya mesti ada kemampuan untuk melaksanakan projek ini dan tidak berbangkit soal satu daripada syaratnya ialah untuk mereka ini memang mesti berbaik dengan pihak kerajaan. Itu langsung tidak benar. Tetapi kalau yang detail, kita mempunyai syarat-syarat ini daripada EPU, saya boleh beri kepada Yang Berhormat.

KAWASAN PENEMPATAN ORANG ASLI – KAJIAN TERPERINCI

8. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kajian terperinci dibuat semasa membangunkan kawasan-kawasan penempatan masyarakat Orang-orang Asli terutama dari segi kesesuaian tanah seperti di kawasan Pos Dipang Perak yang mengalami bencana banjir lumpur baru-baru ini. Adakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi perkara yang serupa tidak berulang terutama kepada kira-kira 100 kawasan penempatan yang terletak di kawasan yang mudah dilanda bencana banjir lumpur.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang bermula dalam tahun 1975, ada 17 buah kawasan perkampungan Orang Asli di Semenanjung mana kajian terperinci telah dilaksanakan sebelum dibangunkan bagi tujuan mengenal pasti pensesuaian kawasan. Pos Dipang adalah kawasan kampung Orang Asli tradisional di kawasan pedalaman telah sedia wujud dan dipilih oleh Orang Asli sendiri kerana kemungkinan berdekatan dengan sungai.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sekarang ini telah mengenal pasti sejumlah 76 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang berkemungkinan menghadapi ancaman tanah runtuh, banjir dan bahaya pencemaran disebabkan hakisan alam sekitar.

Satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai jabatan termasuk Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kaji Bumi, Jabatan Hutan dan wakil kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan akan diwujudkan tidak lama lagi untuk menentukan langkah-langkah susulan yang perlu diambil. Jawatankuasa ini juga akan mengumpul maklumat terperinci mengenai perkampungan Orang Asli yang terlibat dan akan membuat keputusan sama ada hendak memindahkan mereka atau tidak.

Pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga akan mengkaji apa-apa masalah sosial yang akan wujud akibat daripada penempatan semula penduduk. Sejumlah 43 perkampungan ini terletak di Perak, 15 di Johor, 13 di Pahang, 7 di Selangor, 6 di Negeri Sembilan dan 2 di Kelantan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan. Selain daripada kajian-kajian yang dicadangkan mengenai penempatan Orang Asli, adakah kementerian juga bercadang untuk mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya sekurang-kurangnya kawasan penempatan Orang Asli itu yang telah di 'reserve'kan, yang digazetkan sebagai penempatan Orang Asli dapat diberikan hak milik tanah kepada mereka? Supaya sekurang-kurangnya sesama mereka akan dapat menguruskan bahagian masing-masing dan tidaklah tanah-tanah mereka itu boleh diambil dengan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, terdapat di antara agensi-agensi kerajaan kadang-kadang mengambil dan mencadangkan tanah-tanah 'reserve' Orang Asli itu untuk dibangunkan dan sebagainya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi pihak jawatankuasa yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, tentu akan mengkaji segala-gala aspek yang patut dibuat untuk Orang Asli yang berkaitan. Jadi, saya rasa, apa yang dicadang oleh Yang Berhormat tadi tentu sekali akan diambil kira oleh jawatankuasa nanti.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam rancangan kementerian untuk menempatkan semula masyarakat Orang-orang Asli, adakah rancangan itu akan dijalankan melalui rancangan pertanian seperti projek skim Felda?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu perancangan pertanian yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Perancangan pertanian yang saya telah dimaklumkan yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang ada. Jadi, satu daripadanya ialah kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Jadi inilah yang pertamanya dijalankan untuk kawasan Orang Asli berkenaan dengan pembangunan pertanian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Datuk Abu Seman Yusof.

[Soalan No. 9 – Y.B. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) tidak hadir]

LEBUHRAYA DARI TELUK LIKAS/KERAMBUNAI KE TUARAN – KAJIAN JAJARAN

10. **Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengapa perancangan pelan lebuhraya dari Teluk Likas/Kerambunai ke Tuaran dibuat dengan memilih kerja yang paling susah iaitu jauh melalui kawasan berpaya dan bukit tinggi sedangkan ada kawasan lain yang lebih dekat dan senang pembinaan dari segi perbelanjaan dan keselesaan pengguna jalan raya itu kelak; dan
- (b) bilakah projek Lebuhraya Berungis/Kota Belud dijangka akan siap dan berapakah peruntukan membina lebuhraya tersebut termasuk pembayaran pampasan pengambilan tanah-tanah yang terbabit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membuat perancangan lebuhraya dari Teluk Likas/Kerambunai ke Tuaran, pihak kerajaan telah membuat kajian jajaran lebuhraya dengan mengambil kira faktor kos pembinaan yang paling ekonomik, topografi tanah, cadangan guna tanah di kawasan berkenaan dan mengekalkan keadaan alam sekitar seperti kawasan paya.

Selain daripada itu, jajaran ini juga seberapa yang boleh telah mengelakkan dari melalui kawasan paya. Di sepanjang jajaran tersebut, cuma terdapat dua bahagian yang melalui tanah tinggi.

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, jajaran yang dicadangkan merupakan jajaran yang paling sesuai sekali.

- (b) Projek Lebuhraya Berungis ke Kota Belud dijangka siap pada 31 Oktober 1998. Peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi pembinaan lebuhraya ini ialah RM140 juta, termasuk pembayaran pampasan pengambilan tanah-tanah yang terbabit.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kerajaan telah mengambil kira tentang pengekalan permukaan bumi di dalam perancangan pembinaan jalan raya ini tetapi apa yang saya dapati ialah bukan sahaja kerajaan akan terpaksa menimbus kawasan berpaya yang sangat jauh tetapi akan memotong beberapa kawasan bukit tinggi yang akan mengubah keadaan alam sekitar dan mungkin akan mengakibatkan hakisan, sedangkan ada alignment yang lebih sesuai lagi.

Soalan tambahan saya, adakah ini dibuat sedemikian to enhance the cost of construction. Itu pertama. Soalan kedua ialah[Disampuk]..... apakah sebab pembayaran pampasan kepada pemilik-pemilik tanah yang terlibat di dalam pembinaan jalan raya Berungis – Kota Belud itu mengambil masa yang begitu panjang untuk diselesaikan? Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan bayaran pampasan ini secepat mungkin?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membuat perancangan untuk jalan itu, kita memang telah membuat dengan cara teknikal dan terperinci. Kita tidak dapat memenuhi setiap individu. Tadi saya sudah jawab kita melalui dua tempat tinggi sahaja. Kita sudah mengelakkan beberapa tempat yang tinggi dan paya.

Dalam projek ini, pampasan untuk tuan punya tanah, kalau ada berlaku kes-kes yang sebenar yang belum dibayar, silalah Yang Berhormat memberikan kita butir-butir dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah berjalan hampir 30% mengikut jadual.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan dengan jawapan bahagian pertama tadi? Saya ingin bertanya berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi lebuhraya dari Teluk Likas ke Tuaran dan siapakah nama kontraktor yang telah menerima tender ini?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, jalan dari Likas ke Tuaran hanyalah sebahagian jalan pantai dari Kota Kinabalu sampai ke Sulaman. Kos sepanjang jalan ini adalah lebih daripada RM255 juta dan saya tidak tahu berapa kos sebenarnya jalan dari Likas ke Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak boleh buat kerja di atas bumbung semasa kita bersidang. Nanti roboh! Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

SIARAN TELEVISYEN MENERUSI PARABOLA – TAPISAN

11. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah mekanisme yang digunakan untuk menapis siaran televisyen melalui alat penerima parabola; dan

- (b) jika tapisan dapat dibuat, selain perkara yang merosakkan moral, apakah perkara lain yang ditapis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan telah mewujudkan empat tahap penapisan siaran TV melalui alat penerima parabola iaitu:
- (i) penapisan dan pengawalseliaan dalaman oleh Measat Broadcast sendiri sebagai stesen penyiaran TV satelit berasaskan kepada piawaian dan amalan yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan;
 - (ii) penapisan dan pemilihan program-program yang bersesuaian oleh pembekal-pembekal program kepada Measat Broadcast berasaskan piawaian dan amalan berkenaan;
 - (iii) Measat Broadcast perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Lembaga Penapisan Filem; dan
 - (iv) satu kaedah kawalan di mana kita akan memperkenalkan satu sistem smart card atau kad pintar. Selain daripada itu, semua program akan diklasifikasikan mengikut kesesuaian tontonan untuk semua, sama ada dewasa atau kanak-kanak.
- (b) Tapisan yang dibuat adalah bertujuan untuk menyekat elemen-elemen negatif, khususnya VHSC daripada menyerap masuk ke negara ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila sistem ini yang mana kita telah mendapat banyak siaran televisyen dari seluruh dunia, adakah Kementerian Penerangan hendak menetapkan bahawa pada pukul 8.00 malam, semua siaran ini akan menyiarkan berita khusus untuk seluruh masyarakat negara kita mendapat maklumat berhubung dengan peristiwa di dalam negeri dan juga di luar negeri – masa khusus yang tetap seperti mana yang ada pada hari ini dari seluruh siaran yang ada?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Memang pada masa kini kita mengamalkannya di mana kita menetapkan agar stesen-stesen yang ada iaitu stesen TV1, TV2 dan TV3 memaparkan berita menerusi siaran jam 8.00 malam, manakala program yang disiarkan melalui Measat ini agak susah dan sulit sedikit bagi kita untuk mengawal oleh kerana rangkaian yang lain datang dari negara asing kecuali Berita ASTRO diwujudkan untuk memaparkan pelbagai rancangan. Maklumat pelbagai akan dipaparkan iaitu pertama mengenai dengan berita, yang kedua mengenai sukan dan berbagai-bagai hiburan dan kesenian.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana siaran CNN News selalu ditapis dan baru-baru ini ada CNN News mengenai Orang Asli dan lagi satu mengenai kepulauan Pope dari Perancis telah ditapis, adakah kementerian rela untuk membenarkan Ahli-ahli Parlimen menonton bahagian-bahagian yang ditapis supaya membuat satu keputusan, sama ada patut dicensor atau tidak wajar dan kenapa sampai sekarang sudah dua minggu surat yang dijamin oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menunjukkan ASTRO select programme yang sah atau legal belum ditunaikan? *[Disampuk]* Dua minggu! Hari itu kata mahu beri. Pergi keluar, kata di dalam....tunggu...akan beri. Kenapa tiada ada surat itu? *[Disampuk]*.

Seorang Ahli: Jangan marah!! *[Disampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tidak payah emosional sangat! *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Mungkin bagi dia, tetapi jawab dia ada di sini! Dia ada di sini!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: No, no....you don't have to be emotional! *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Atau takut senior jawab! Takut senior jawab! Boleh jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Tanjong....

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini bukan persoalan takut atau tidak takut. Saya rasa peradaban seorang Ahli Dewan Rakyat harus ada! *[Tepuk][Disampuk]* No...no...I mean....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tunaikan janji! Tidak tunaikan janji...mungkin! *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat....

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sekali lagi saya nyatakan...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat...

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sekali lagi saya nyatakan....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya nyatakan saya amat kesal sekali tentang peradaban yang dipertontonkan, diperlihatkan oleh Ketua Pembangkang *[Tepuk]* yang seharusnya mengutarakan persoalan yang

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat! *[Kepada Tuan Lim Kit Siang]*

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: You have been....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Bersorak]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat...

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: You've been....you are childish man! Dengan izin, what is this!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat, minta duduklah. Yang Berhormat Tanjong! Yang Berhormat, kalau tidak dapat dikawal saya terpaksa beralih kepada soalan yang lain. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat, menjawab.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalnya sebetulnya mengenai dengan CNN tadi, CNN kita tapis seperti yang kita sebutkan tadi empat tahap penapisan yang kita adakan. Satu tahap di mana kita menggalakkan agar stesen-stesen penyiar menapis siaran yang kelak akan dipaparkan kepada masyarakat kita dengan satu jam delay. Maknanya, bila mana kita melihat bahawa CNN itu akan memaparkan satu perkara yang tidak bertentangan. Satu perkara yang bertentangan dengan budaya masyarakat kita, maknanya kita akan delay dan tapis, bloknnya. Takkan oleh kerana kehendak Ahli Dewan Rakyat dari Kota Melaka ataupun dari Tanjong [Ketawa] hendak sahaja beri keutamaan kepada Ahli Parlimen, rakyat juga punya hak dan saya rasa apa yang penting ialah rakyat di negara ini mempunyai hak menapis mana yang baik dan mana yang tidak baik untuk ditonton. Saya beri contoh, contohnya, sifat hendak membunuh adalah satu sifat yang tidak baik, hendak membunuh kita boleh gunakan pisau tetapi kita jual pisau di kedai, takkan kita hendak halang kedai untuk menjual pisau kerana ianya boleh digunakan untuk membunuh! Tetapi kita gunakan akal kita! [Tepuk] pemikiran, kewarasan kita, mana yang baik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Beberapa Ahli: [Bersorak][Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]:
Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Soalan yang kedua...

Beberapa Ahli: [Bersorak mahukan Ahli Yang Berhormat Tanjong duduk]

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, seorang yang menjawab tidak boleh hysterical, tadi hysterical! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]:
Saya nampak banyak hysterical di dalam Dewan ini, tidak apalah, soalan seterusnya ya.

KAD PENGENALAN BIRU – PEMILIKAN SECARA HARAM DI NEGERI SABAH

11. **Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat sebarang kemungkinan pendatang asing yang telah memiliki kad pengenalan biru secara haram di negeri Sabah telah mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya mengundi dalam mana-mana pilihan raya di Malaysia khususnya di negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan urusan pendaftaran pemilih, Suruhanjaya Pilihan Raya mematuhi sepenuhnya prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Pendaftaran (Pendaftaran Pemilih)(Sabah) 1971.

Petugas-petugas yang dilantik oleh SPR hanya menerima borang pendaftaran daripada orang-orang yang layak iaitu warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun ke atas. Untuk menentukan seseorang itu warganegara Malaysia, petugas-petugas SPR adalah berpandukan kepada kad pengenalan biru yang ditunjukkan oleh pemohon-pemohon berkenaan. Dalam hal ini petugas-petugas SPR tidak berkemampuan untuk menentukan sama ada kad pengenalan biru itu palsu ataupun tidak.

Sebelum daftar pemilih bagi satu-satu tahun itu disahkan, ianya akan dipamerkan dan orang ramai mempunyai hak untuk membantah kemasukan nama orang-orang yang tidak layak ke dalam daftar pemilih. Bantahan-bantahan akan disemak dan sekiranya bantahan-bantahan yang dibuat itu sah, penama-penama yang berkenaan akan digugurkan daripada daftar pemilih. Berdasarkan kepada penjelasan

ini sudah tentu amat sukar sekali bagi mana-mana pendatang haram untuk mengundi di dalam mana-mana pilihan raya di Malaysia termasuk di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9 dan 13 hingga 37 dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapanjuta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut" [28 Oktober 1996].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Parit Sulong, sila sambung.

11.15 pagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyambung perbahasan saya menyokong Belanjawan kerajaan tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, generasi muda adalah khazanah negara, sebab itulah kerajaan sentiasa prihatin kepada pembangunan generasi muda.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Yang Berhormat, Ketua Pembangkang minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya baru bangun, apa penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Baca *Hansard*.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Maharuddin]: Dia tidak beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You already have your hysterical period, already!

Tuan Lim Kit Siang: Historical period?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hysterical period, not historical! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu diganggu, *especially* by Pembangkang, kalau sahabat saya tidak apa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila terus, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan generasi adalah khazanah negara. Sebab itulah kerajaan sentiasa prihatin kepada pembangunan generasi muda dan institusi keluarga. Inilah di antara sektor warga bangsa yang telah dikenal pasti sebagai antara punca sosial yang sedang hebat melanda.

Lantaran itu, saya berpendapat bahawa peruntukan sejumlah RM60.2 juta untuk Program Rakan Muda adalah tidak mencukupi. Ini perlu ditambah. Apatah lagi bila Kementerian Belia dan Sukan juga sedang merangka program untuk lepaskan sekolah menerusi Khidmat Sosial Negara.

Hakikat ini perlu dituntas dan dirincikan oleh semua pihak. Kebobrokan generasi muda Malaysia kini sudah mencapai paras bahaya. Statistik menunjukkan bahawa sehingga hujung 1995, terdapat 14,418 orang pembawa virus HIV di negara ini. Sejumlah 76% dari mereka adalah penagih dadah, 95.6% adalah lelaki dan 83.6% di dalam lingkungan umur 20 hingga 39 tahun. Pada waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua, mulai 1986 hingga 1995, terdapat 331 kes AIDS dengan 283 kematian di Malaysia.

Satu kajian bersama oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan pula mendapati bahawa seramai 12,125 dari 17,241 orang pembawa virus HIV di Malaysia sekarang adalah Melayu. Ini merupakan 70.3% dari jumlah keseluruhannya. Gejala ini berpunca dari gaya hidup songsang, termasuklah penagihan dadah dan pengalaman seks rambang. Gejala ini wujud kerana pihak terbabit dikatakan sudah jauh terpesong dari suruhan agama.

Seterusnya statistik juga mendapati bahawa dari 1988 sehingga 1995, pihak berkuasa Malaysia telah mengesan sejumlah 194,797 kes penagih dadah, termasuklah penagih baru dan penagih berulang. Berjuta-juta ringgit wang negara telah dibelanjakan untuk memulihkan golongan ini.

Inilah di antara manifestasi kebobrokan generasi muda Malaysia. Ianya amat parah. Oleh itu, saya berharap semoga kerajaan akan dari masa ke semasa menambahkan peruntukan kepada aktiviti dan program membasmi kemungkaran di kalangan anak-anak muda ini menerusi Kementerian Belia dan Sukan serta agensi-agensi lain yang difikirkan relevan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur kepada Allah SWT kerana mulai belanjawan tahun depan, kerajaan mempertingkatkan komitmennya kepada masalah keluarga. Seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Jumaat lalu '*Institusi keluarga merupakan benteng pertahanan moral dan tunjang keutuhan masyarakat*'. Sebab itulah maka kerajaan memperuntukkan sejumlah RM50 juta di bawah seliaan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu Sosial untuk merencana dan menyegarkan institusi keluarga.

Saya berharap dalam hal ini wang tersebut hendaklah dibelanjakan untuk program yang disusun rapi bersesuaian dengan kehendak zaman dan tuntutan moral,

agama, bangsa dan tanah air. Pihak-pihak yang berwajib hendaklah dibawa berunding di dalam merincikan program yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia adalah satu-satunya pemerintah di rantau ini yang amat responsif kepada perkembangan teknologi maklumat. Perdana Menteri sentiasa memperkukuhkan ilmu dan pengetahuan beliau di bidang ini. Wawasan beliau yang mendepani zaman telah melahirkan Koridor Raya Multimedia dan kerajaan elektronik. Keprihatinan beliau juga mendorong warga usaha (*corporatecitizen*) Malaysia menjajarkan usaha masing-masing ke arah ini.

Lantaran itu kerajaan akan sentiasa menggalakkan industri berteknologi tinggi. Seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, industri fabrikasi wafer terpilih akan digalakkan pertumbuhannya. Lantaran itulah Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) sedang dalam proses korporatasinya. Sebab itulah maka Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bercadang mewujudkan '*venture capital*' tahun ini untuk membantu warga usaha tempatan memajukan '*software*' multimedia dan produk-produk yang berkaitan dengan '*content*'. Sebab itulah juga maka diwujudkan Perbadanan Pembangunan Multimedia untuk memastikan bahawa segala bentuk pembangunan di bidang teknologi maklumat di Koridor Raya Multimedia akan kurang cacat celanya.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan rintihan sesetengah warga usaha tempatan, khususnya bumiputera. Mereka mendakwa bahawa mereka masih kurang arif tentang bentuk-bentuk dan corak-corak perniagaan yang secocok atau serasi dengan koridor raya multimedia. Mereka berharap pihak berwajib mengadakan beberapa siri penerangan mengenai peluang-peluang yang wujud di koridor raya tersebut. Mereka juga mahu mendapat dukungan kerajaan di dalam mendapatkan rakan usaha yang secocok dari luar negeri. Maklum sahajalah nampaknya hanya syarikat-syarikat asing pilihan sahaja yang diundang menghadirkan diri di koridor berkenaan. Pada waktu yang sama, sebilangan warga usaha bumiputera yang menceburi bidang teknologi maklumat juga mendakwa bahawa agak sukar untuk mereka mendapatkan pinjaman modal bagi memulakan perniagaan ini. Oleh itu, sewajarnya pihak MTDC menghalusi rintihan ini.

Contohnya, terdapat bumiputera yang merancang menceburi bidang teknologi maklumat, khususnya sebagai '*access providers*' dan '*content providers*', tetapi oleh kerana perniagaan ini mungkin masih sukar untuk diukur viabilitinya, maka pihak institusi kewangan ada setengah-setengahnya yang bertindak dengan pelbagai kerenah yang agak negatif. Bidang seperti ini tidak semestinya diusahakan di kawasan koridor raya multimedia sahaja. Ia boleh diusahakan di mana-mana. Oleh itu, adakah pihak MTDC akan membantu warga usaha seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapannya Jumaat lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membicarakan dengan sepintas lalu soal kewujudan sebuah universiti multimedia di Bandaraya IT. Menteri Pendidikan pula menyatakan pada 3 Oktober 1996 bahawa universiti tersebut akan dibangunkan di sebuah kawasan seluas 70 hektar di bandaraya IT yang berhampiran dengan Putrajaya. Untuk makluman umum, universiti multimedia ini bukannya universiti virtual yang sedang diusahakan kewujudannya oleh KUB. Memang kedua-dua universiti ini akan mengabadikan teknologi maklumat dalam erti kata yang seluas-luasnya. Tetapi universiti virtual yang diusahakan oleh KUB pastinya akan mempunyai '*coverage*' yang lebih meluas ke seluruh pelosok negara. Perkhidmatannya boleh sampai ke kawasan pedalaman, asalkan penuntutnya mempunyai komputer yang boleh disambungkan ke talian telefon.

Universiti virtual milik KUB ini akan menyediakan program pendidikan di dalam kampus dan juga di luar kampus. Universiti virtual ini akan menggunakan '*service provider*' yang tersendiri dan akan dikenali sebagai Universiti Teknologi Abdul Razaknet (UTARbet), iaitu sebuah perkhidmatan servis pendidikan ke Internet. Sebagai Naib Pengerusi KUB, dengan izin, saya memaklumkan bahawa usaha-usaha

kini sedang giat dijalankan supaya perkhidmatan universiti virtual ini dieksportkan ke beberapa negara jiran di rantau ASEAN.

Oleh itu, saya mengharapkan semoga pihak berwajib yang juga telah merestui kewujudan universiti virtual ini akan memberi sokongan sepenuhnya. Sama seperti sokongan yang sedang diberikan kepada universiti multimedia di bandaraya IT kelak. Pihak KUB telah mengadakan taklimat kedua mengenai universiti virtual kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa bulan lalu. Dua syarikat bumiputera juga telah menyatakan hasrat serta kesanggupan masing-masing untuk berusaha sama dengan KUB di dalam 'venture' berharga kira-kira RM500 juta ini.

Saya juga berharap semoga institusi modal di negara ini, termasuk institusi modal milik kerajaan akan sensitif terhadap keperluan mendapatkan modal untuk projek ini. Pihak MTDC umpamanya seharusnya menggalakkan institusi modal untuk sensitif kepada keperluan seperti ini. Sesungguhnya, janganlah warga usaha yang sama-sama mahu membangunkan industri IT di negara ini, tetapi tidak beroperasi di kawasan koridor raya multimedia, maka mereka dikesampingkan di dalam hal urusan mendapatkan modal.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh baru-baru ini, saya telah membangkitkan soal-soal pembangunan IT dan literasi komputer di Malaysia. Dalam satu aspek, saya menyarankan agar harga 'hardware' dan perisian komputer dikaji semula harganya supaya lebih ramai rakyat jelata jadi celek komputer. Hari ini, Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana Belanjawan 1997 ini menyediakan insentif-insentif cukai yang membolehkan komputer jadi murah harganya.

Di dalam perbahasan itu juga saya telah membangkitkan soal tarif telefon yang agak tinggi. Ini boleh membantutkan perkembangan penggunaan komputer multimedia. Ini juga mungkin boleh menjejaskan percambahan penuntut universiti virtual yang akan diwujudkan oleh KUB. Sehingga ke hari ini, nampaknya pihak Telekom Malaysia dan lain-lain syarikat telefon di negara ini masih belum responsif terhadap keperluan ini. Oleh itu, sekali lagi saya berharap agar mereka tergugah dari kebiasuannya mengenai hal ini. Pendek kata, mereka perlu berasa terpacu untuk menurunkan tarif telefon yang digunakan untuk bisnes multimedia sekarang. Paling tidak dan paling minimum, mereka seharusnya menimbangkan untuk merendahkan tarif telefon yang kelak akan diperlukan untuk mengembangkan perkhidmatan komputer oleh para pelajar universiti virtual.

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan syarikat-syarikat penjanakuasa elektrik persendirian (IPP) adalah satu fenomena perniagaan baru di Malaysia. Syarikat-syarikat ini lahir berikutan gangguan elektrik yang terdasyat sekali di negara ini dalam tahun 1992. Sejak itu, mercuplah apa yang dikenali sebagai IPP. Majoritinya milik warga usaha tempatan terkemuka. Paling kontroversi sekali di antara mereka adalah projek IPP di Bakun, Sarawak. Bagaimanapun, saya tidak akan menghuraikan politik di sebalik IPP. Saya hanya merakamkan persetujuan saya dengan gesaan Perdana Menteri supaya IPP menyeragamkan kadar bayaran yang akan dikenakan kepada Tenaga Nasional Bhd. agar ianya tidak membebankan TNB dan pihak pengguna.

Saya menggesa semua IPP supaya sensitif kepada gesaan Perdana Menteri pada 21 Oktober 1996 di mana beliau telah meminta semua IPP di negara ini bekerjasama bagi memastikan para pengguna menikmati tenaga elektrik pada kadar yang murah sebagai satu tanggungjawab sosial warga swasta kepada rakyat jelata. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga meminta IPP janganlah bayaran yang terlalu tinggi dikenakan kepada bekalan elektrik yang dijual kepada TNB. Beliau tidak mahu TNB mengalami kerugian.

Oleh itu, syarikat-syarikat IPP hendaklah segera berunding. Jangan dolak-dalik, jangan sambil lewa dan jangan main kayu tiga. Insaflah bahawa IPP dilahirkan untuk meringankan beban TNB. Bukannya untuk bermasalah dengan TNB. Perkara

ini penting kerana sebarang kepincangan harga yang akan dikenakan oleh IPP kepada TNB hanya akan mengakibatkan TNB dikecam oleh pengguna.

IPP mesti insaf bahawa TNB adalah syarikat kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat. IPP tidak akan wujud tanpa restu kerajaan yang didukung oleh rakyat. Oleh itu, janganlah keterlaluan di dalam mengaut keuntungan. Janganlah jual tenaga elektrik kepada TNB dengan kadar yang melampaui batas. Seharusnya IPP mendalami kenyataan Perdana Menteri pada 21 Oktober 1996 bahawa "*yang nyata, kita hendak menikmati tenaga elektrik semurah yang boleh. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dalam bidang ini, iaitu IPP, seharusnya meyakinkan kami bahawa mereka akan membantu kami. Kami tidak mahu membunuh TNB dengan memberi banyak keuntungan kepada IPP.*"

Tuan Yang di-Pertua, pihak IPP mungkin memandang ringan rayuan Perdana Menteri kerana mereka berpendapat bahawa semua kadar harga jualan tenaga elektrik kepada TNB telah pun diabadikan secara legal ataupun dilindungi perjanjian undang-undang-undang.

Tetapi mereka perlu sedar dan insaf, seperti saya tegaskan tadi, IPP wujud atas restu kerajaan yang mempunyai saham majoriti di dalam TNB. Jika mereka sedar terhadap hakikat ini, kenapakah kadar harga jualan tenaga elektrik yang dijana oleh IPP dan dijual kepada TNB amat berbeza-beza? Ada yang mengenakan 11.8 sen seunit. Ada yang menetapkan harga 13 sen seunit. Ada yang mengenakan harga 15.5 sen seunit, yang paling bongsu sekali mengenakan harga 16.5 sen seunit.

Mengapakah jadi begini keadaannya? Saya difahamkan bahawa terdapat sebuah IPP yang khusus dijangka mengaut untung hampir RM1.4 billion, sementara untung yang diperolehi oleh TNB dari transaksi ini hanya kira-kira RM700 juta sahaja. Inikah yang dikatakan keadilan? IPP jual tenaga elektrik kepada syarikat kerajaan. IPP dapat untung berbilion ringgit, TNB pula hanya akan untuk setengah dari apa yang akan dikekeh oleh pihak IPP berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, inikah namanya keadilan?

Oleh itu, saya harap kerajaan akan bertegas dengan mana-mana IPP yang enggan berkompromi dengan TNB ataupun cuba-cuba untuk meleceh-lecehkan urusan menyeragamkan harga elektrik yang akan dibekalkan kepada TNB. Jika mereka terus berdolak-dalik, saya harap kerajaan akan melantik sebuah konsultan khas untuk membuat perakuan tentang harga yang perlu diseragamkan dan berpatutan kepada TNB serta pengguna. Pihak IPP hendaklah dipertanggungjawabkan untuk membiayai kos konsultansi tersebut.

Kasihlah sahabat saya, iaitu Datuk Mohd. Tajuddin Ali selaku Pengerusi Eksekutif TNB yang baru. Kasihanilah beliau dan TNB, kasihanilah kerajaan, kasihanilah rakyat jelata yang akan menjadi pengguna tenaga elektrik keluaran IPP ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama, saya menggesa persatuan-persatuan pengguna supaya sentiasa mengesan perkembangan dan kerenah IPP. IPP harus disedarkan tentang prinsip moral di dalam perniagaan. Mereka juga hendaklah sentiasa diingatkan tentang obligasi sosial yang perlu sama dipikul untuk membangunkan bangsa dan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu menghuraikan dasar penswastan di dalam ucapannya Jumaat lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menegaskan bahawa "*syarikat-syarikat konsesi utama dikehendaki memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi*". Kata beliau lagi, "*Unit Perancang Ekonomi sedang menggubal garis panduan untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan melaksana tanggungjawab sosial secara telus.*"

Dalam hal ini, syarikat-syarikat berkenaan akan diminta melaksanakan beberapa tanggungjawab, termasuklah menyediakan kemudahan desa dan menjadi perangkai serta pemangkin pertumbuhan wiraswasta baru, khususnya di kalangan bumiputera. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seterusnya berkata bahawa

"rencana tersebut pasti gagal seandainya peluang penswastaan dikerkah secara kongkalikung atau persekongkolan." Saya harap kerajaan akan menyejajarkan pelaksanaan garis panduan di atas. Ianya biarlah terperinci, ianya hendaklah menerangkan sejelas-jelasnya apakah yang dimaksudkan sebagai 'menyediakan kemudahan desa'?

Adakah ini bermakna bahawa sesebuah syarikat yang dianugerahkan projek penswastaan kerajaan akan diminta menganak angkat desa dan kampung yang telah dikenal pasti oleh kerajaan? Adakah ini akan bermaksud bahawa mereka akan diarah membantu kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan asas di luar bandar? Adakah ini bermakna bahawa syarikat-syarikat konsesi utama akan dipertanggungjawabkan dengan tugas khusus supaya keuntungan syarikat tersebut akan turut dikecap nikmatnya oleh rakyat jelata, khususnya di desa-desa? Atau, adakah ini bermakna bahawa kerajaan akan menerapkan falsafah '*hati gajah sama dilapah dan hati kuman sama dicecah*' ke dalam jiwa dan sanubari wiraswasta yang memperolehi konsesi penswastaan kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan dapat menghuraikan persoalan-persoalan di atas. Mudah-mudahan rakyat desa yang sentiasa setia mendukung kerajaan akan turut bergembira dengan garis panduan obligasi sosial yang akan diumumkan kelak.

Saya juga berharap semoga kerajaan dapat menghuraikan secara terperinci tentang penyertaan bumiputera secara langsung dan tidak langsung di dalam projek-projek yang telah diswastakan selama ini. Contohnya, apakah bentuk penyertaan bumiputera di dalam 204 projek yang telah diswastakan menerusi Rancangan Malaysia Keenam? Perincian ini pasti akan menjadi indikator kepada kejayaan Dasar Penswastaan yang sekarang ini pun amat dikagumi oleh segolongan komuniti dunia dan juga telah diteladani oleh beberapa negara sahabat yang sedang membangun sekarang.

Seterusnya, saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan menghuraikan sama ada amalan '*kongkalikung*' yang beliau sebut pernah dikesan di dalam penganugerahan sesuatu projek penswastaan selama ini? Seandainya beliau tidak keberatan, benarkah dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa kini terdapat hanya segelintir sahaja wiraswasta yang mengkerkah dan membolot beberapa projek penswastaan kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, globalisasi bermakna batas-batas geopolitik jadi tidak bermakna. Dunia jadi tanpa sempadan. Dalam konteks perniagaan, sesiapa sahaja bebas untuk melabur di merata benua. Oleh kerana ramai penulis futuris meramalkan bahawa modenisasi Asia dalam aspek ekonomi, politik dan budaya adalah event terpenting di dunia hari ini dan oleh kerana abad mendatang adalah abad kemakmuran Asia, maka bertumpulah warga usaha jagat ke Asia, tetapi oleh kerana zon pertumbuhan paling pesat dan pasaran terbesar Asia di masa depan adalah Republik Rakyat Cina, maka berpusu-pusulah warga usaha jagat ke negara berkenaan. Sebab itulah Republik Rakyat Cina digelar sebagai '*naga raya*'. Importnya berkembang pada kadar 25% setahun, ia juga pengeksport yang keempat terbesar di dunia ini.

Warga usaha Malaysia (Malaysia Corporatecitizen), dengan izin, tidak ketinggalan di dalam penerokaan peluang-peluang perniagaan, perdagangan dan pelaburan di Republik Rakyat China. Respons serta penyertaan mereka ke arah ini amat menggalakkan dan sungguh membanggakan khususnya golongan warga usaha yang menjadi keluarga besar '*Lords of the Rim*'. Tambahan pula golongan yang selama ini memang akrab dengan operator '*The Bamboo Network*'. Apatah lagi Overseas Chinese yang memang mempunyai akar umbi generasinya di Tanah Besar China.

Seperti kata John Naisbitt di dalam bukunya '*Megatrends Asia*' – kuasa yang sedang merancak, melonjak dan memperhebatkan pembangunan ekonomi Republik Rakyat China, dengan izin, "*is a secretive sophisticated network. It is decentralised,*

pan-Asian, increasingly global and family and education oriented. And most of all, fabulously rich. It is the phenomenon of the Overseas Chinese. There are 57 millions of them, 53 millions in Asia". Naisbitt juga mengatakan bahawa ekonomi warga usaha Cina seberang laut merupakan ekonomi yang ketiga besarnya di seluruh jagat dan pelaburan mereka adalah 80% dari seluruh pelaburan asing di Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama, terdapat juga warga usaha Malaysia yang cenderung memilih Hong Kong sebagai pangkalan hadapan untuk menyeberang ke Republik Rakyat China. Mereka amat yakin kepada ramalan majalah *Fortune* bahawa Hong Kong adalah kawasan pertumbuhan penting yang dipercayai akan mentransformasikan ekonomi Republik Rakyat China, Asia dan seluruh jagat.

Hong Kong akan diserahkan kembali kepada Republik Rakyat China mulai bulan Julai 1997. Lantaran itu, terdapat kalangan usahawan yang kluatir terhadap masa depan pulau tersebut. Namun begitu, masih ada juga usahawan dunia, termasuk wira usaha Malaysia, yang amat percaya bahawa pulau itu akan menjadi akses utama ke Republik Rakyat China yang ekonominya sedang pesat membangun dan potensi pasarannya adalah yang terbesar di dunia.

Sebab itulah pelaburan Malaysia ke Republik Rakyat China kebelakangan ini semakin meningkat. Ia mencakupi hampir semua bidang perniagaan dan pelaburan. Dari sekecil-kecil syarikat kedai runcit dan teksi hinggalah ke pelaburan multi juta di bidang harta tanah, perhotelan, perjudian dan pembuatan. Contohnya, Robert Kuok, salah seorang 'dragon family' telah membina China World Trade Centre di Beijing pada tahun 1984.

Banyak pihak berpendapat bahawa penerokaan secara besar-besaran usahawan sejagat ke Republik Rakyat China adalah hasil perkembangan yang 'natural'. Tetapi, penerokaan warga usaha Malaysia ke Republik Rakyat China secara massive adalah hasil keyakinan dan penghormatan negara tersebut kepada Malaysia. Inilah sebahagian dari kejayaan dasar luar Malaysia pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan beberapa syarikat gergasi Jepun juga turut mengiktiraf hakikat ini. Sebab itulah sebuah syarikat gergasi Jepun hanya sanggup mahu melabur di Republik Rakyat China sekiranya ada syarikat Malaysia yang mendapat kepercayaan Perdana Menteri turut melabur bersama-samanya. Hakikat inilah yang dikatakan oleh banyak pihak, sebagai pemangkin Syarikat Mitsubishi berusaha sama dengan DRB dan Kerajaan Republik Rakyat China untuk melabur di dalam sebuah syarikat pembuatan kereta di republik tersebut.

Dalam konteks pelaburan syarikat Malaysia di luar negara, termasuklah pelaburan di Republik Rakyat China dan Hong Kong, saya berasa amat terdorong untuk mencari satu kepastian di Dewan yang mulia ini, mengapakah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menegaskan Jumaat lalu bahawa "Syarikat tempatan yang melabur di luar negeri digalakkan meminjam di luar negara supaya pembiayaan pelaburan tersebut tidak menyebabkan aliran keluar modal tempatan."

Kenyataan ringkas ini menimbulkan provokasi kepada minda saya. Mengapakah dibuat kenyataan ini? Adakah ianya merupakan satu manifestasi kepada realiti semasa bahawa memang ada syarikat-syarikat Malaysia yang telah melabur di luar negara kini telah pun dan sedang berusaha memperolehi modal mereka dari institusi modal tempatan? Atau, adakah benar sebuah syarikat Malaysia yang berur-ura berniaga di seberang laut, kini sedang di dalam proses memujuk beberapa agensi perniagaan kerajaan supaya berusaha sama dengan modal berbilion ringgit. Adakah ini yang mahu disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menerusi kenyataan ringkas tersebut? Inikah mesej yang tersirat di sebalik apa yang telah tersurat?

Jika mesej yang tersirat ini benar, izinkan saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, adakah memang terdapat beberapa syarikat Malaysia yang telah melabur di luar negara atau sedang berur-ura berniaga di luar negara, yang

telah memperolehi modal masing-masing dari institusi modal tempatan, ataupun sedang berusaha untuk menjadikan agensi pelaburan kerajaan seperti KWSP, Tabung Haji dan Khazanah Holdings Berhad sebagai rakan kongsi mereka?

Kalau persoalan di atas adalah hakikat yang sebenar-benarnya, bolehkan saya diizinkan mendapat tahu, apakah mana-mana syarikat berkenaan dan agensi pelaburan kerajaan yang manakah yang sedang dicumbu rayu untuk menjadi rakan niaga mereka? Selanjutnya, di manakah modal itu akan dilaburkan? Adakah amalan seperti ini digalakkan? Adakah amalan ini sejajar dengan dasar kewangan yang "prudent" ataupun berhemat?

Sekiranya kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seperti di atas hanya sekadar "precaution" ataupun amaran terhadap kemungkinan-kemungkinan yang kelak akan berlaku, saya ingin bertanya, adakah sekarang ini mana-mana syarikat Malaysia yang berhasrat melabur di luar negara, termasuk di Hong Kong, sedang berikhtiar mendapatkan modal dan institusi modal tempatan ataupun sedang mencumbu rayu agensi-agensi seperti KWSP, Tabung Haji dan juga Khazanah Holdings Berhad sebagai rakan niaga mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan pertanyaan ini kerana saya difahamkan kini terdapat sebuah syarikat tempatan yang berhasrat melabur secara besar-besaran di sebuah syarikat tenaga di Hong Kong. Akhbar-akhbar tempatan pada 25hb. Oktober, 1996 telah memetik Bernama dan AFP iaitu agensi Perancis sebagai berkata bahawa YTL Corporation Berhad – sebuah syarikat tempatan yang terkemuka di bidang pembinaan IPP, dikatakan telah melahirkan minat untuk membeli ekuiti besar di dalam Consolidated Electric Power Asia Limited (CEPA), sebuah anak syarikat milik Hopewell Holdings di Hong Kong.

Memang YTL Corporation Berhad belum membuat kenyataan khusus mengenai perkara ini. Tetapi, Gordon Wu, selaku Ketua Eksekutif Hopewell Holdings, telahpun menyebut nama YTL Corporation Berhad sewaktu beliau berada di Manila baru-baru ini.

Sumber-sumber tempatan juga dikatakan telah mendengar desas-desus ini. Mereka juga yakin bahawa YTL Corporation Berhad kini sedang aktif mendampingi agensi pelaburan kerajaan untuk menyertai perniagaan tersebut. Ada beberapa pihak yang mengatakan bahawa modal yang dipercayai lebih kurang RM2.5 bilion itu sedang disuahkan menerusi bank-bank tempatan. Bagaimanapun, lebih banyak pihak pula yang terlalu yakin bahawa YTL Corporation sedang giat berikhtiar mendapatkan modal tersebut dari institusi niaga seperti KWSP, Tabung Haji ataupun Khazanah Holdings Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama, adakah benar apa yang ditulis oleh Datuk A. Kadir Jasin di akhbar *The Sunday Times* pada 27 Oktober, 1996, bahawa YTL Corporation Berhad kini sedang gigih berusaha untuk memujuk Khazanah Holdings Berhad: "to back a venture in Hong Kong that carries a price of RM2.5 billion."

Izinkanlah saya mendapat kepastian dari Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengenai kemungkinan dan desas-desus ini. Sekiranya ura-ura dan desas-desus ini benar, izinkanlah saya mendapat tahu, hakikat yang sebenar-benarnya.

Memang mungkin terdapat pihak-pihak yang akan mengatakan dan bertanya, "this is none of my business!" Tetapi, saya tetap mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa "this is my business", dengan izin. [Tepuk]

Saya beranggapan bahawa ini adalah urusan saya kerana saya mahu Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mempertahankan kenyataan beliau Jumaat lalu bahawa, dengan izin:

"Syarikat tempatan yang melabur di luar negeri digalakkan meminjam di luar negara supaya pembiayaan pelaburan tersebut tidak menyebabkan aliran keluar modal tempatan."

Saya menjadi semakin bimbang kerana *The New Straits Times* yang memetik laporan AFP pada 25 Oktober 1996 mengatakan bahawa "Hopewell, which has a large debt burden, had been searching for ways to raise cash.." Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, Hopewell Holdings yang memiliki CEPA yang akan dijual kononnya kepada YTL Consolidated Corporation sedang membeban hutang besar dan sedang mencari jalan untuk mendapatkan wang untuk mengatasi hutang tersebut.

Bukan hasrat saya untuk memandai-mandai di dalam hal ini. Tetapi, saya sekadar mahu merakamkan keprihatinan saya mengenainya: Saya berpendirian begitu kerana saya sedar dan insaf bahawa agensi pelaburan kerajaan adalah milik rakyat. Adalah bermanfaat sekiranya mereka melabur di dalam negara kerana pelaburan sedemikian akan memberi faedah kepada rakyat.

Contohnya, saya amat menyokong dan turut berbangga dengan Khazanah Holdings Bhd. yang akan melaburkan RM3 juta di dalam projek teknologi tidak lama lagi. Saya juga bangga apabila Khazanah Holdings Bhd. sedang mengkaji kemungkinan pelaburan di bidang wafer fabrication dan menguasai 15% ekuiti di dalam Modenas yang mengeluarkan motosikal buatan Malaysia.

Tetapi, saya merayu supaya kerajaan membuat pertimbangan sedalam-dalamnya jika institusi pelaburannya diminta membiayai pelaburan syarikat Malaysia di luar negara. Apatah lagi di Hong Kong yang masa depannya setelah Julai 1997 pun masih belum menentu lagi. Contohnya, Sterling Seagrave menulis di dalam bukunya *Lords Of The Rim* muka surat 256 bahawa dengan izin, "even the pro-Beijing politicians in Hong Kong are worried about the future."

Contohnya lagi, Murray Weidenbaum & Samuel Hughes menulis di dalam bukunya *The Bamboo Network* muka surat 67 bahawa walaupun Republik Rakyat China telah menandatangani deklarasi mengenai masa depan Hong Kong, "nevertheless, there is widespread concern that China will renege, possibly voiding contracts signed prior to 1997 or even nationalizing certain industries. Because of this, the future economic contribution of Hong Kong to Greater China is uncertain." Buku tersebut juga mendedahkan bahawa setakat hari ini hampir 500,000 warganegara Hong Kong mempunyai pasport asing.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan menggunakan "wisdom"nya dalam menangani inisiatif mana-mana pelabur tempatan yang berusaha untuk mendapatkan modal tempatan dan dilaburkan di luar negara, termasuklah YTL yang sedang berurusan melabur dalam CEPA di Hong Kong. Oleh itu, saya berharap sekiranya ura-ura mengenai YTL Corporation Bhd. seperti saya huraikan sebentar tadi adalah benar, gunakanlah "wisdom" supaya syarikat berkenaan mendapatkan sumber luar bagi membiayai perniagaannya di Hong Kong kelak. Galakkanlah mereka menggunakan Rangkaian China Seberang Laut atau The Bamboo Network ataupun mendapatkan patronage daripada Lords Of The Rim untuk mendapatkan modal masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, igauan negeri mengenai skandal BMF, Carrian dan George Tan yang berlaku berpuluh tahun lalu masih lagi menghantui ramai rakyat Malaysia. Ambillah "wisdom" dari peristiwa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong perbelanjaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya .. yang depan tu, Kota Belud.

Datuk Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud]: Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah-langkah berani yang akan dilaksanakan melalui Belanjawan 1997 mampu mengatasi bukan sahaja masalah utama masa kini seperti mengurangkan kadar defisit dalam imbangan akaun dagangan, tekanan inflasi dan produktiviti tetapi juga usaha untuk meningkatkan daya saing negara dalam era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat menjelang abad ke-21.

Di samping itu juga, saya mengalu-alukan langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan bahawa pembangunan pesat ekonomi tidak akan menyebabkan tanggungjawab terhadap keadilan sosial diabaikan. Sebagaimana yang kita semua maklum, adalah juga menjadi teras dasar kerajaan untuk menentukan supaya semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan geografi, kaum ataupun agama dan taraf sosio-ekonomi bersama-sama menikmati hasil dari pembangunan negara.

Oleh itu, sebagai Ahli Parlimen dari Sabah, sukalah saya menyentuh sedikit terhadap implikasi Belanjawan 1997 terhadap pembangunan di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa negeri Sabah masih jauh ketinggalan dalam beberapa aspek pembangunan berbanding dengan lain-lain negeri di Malaysia. Tetapi saya percaya dengan keikhlasan, komitmen dan keazaman Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan rancangan pembangunan yang seimbang melalui Rancangan Malaysia Ketujuh, kita akan mampu bergerak ke hadapan ke arah mencapai wawasan kita untuk membangunkan negara.

Pada hemat saya, pemberian peruntukan pembangunan sebanyak RM4,495 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh jelas membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Pusat untuk membangun negeri Sabah. Saya percaya Belanjawan 1997 sebagai Belanjawan yang pertama dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh mampu menyediakan landasan yang kukuh bagi negeri Sabah untuk menyertai arus perdana pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Belanjawan 1997 ini dan Rancangan Malaysia Ketujuh serta dibantu oleh langkah-langkah yang telah digariskan oleh Rangka Rancangan Jangka Panjang Sabah, saya yakin pembangunan negeri akan mempunyai fokus yang jelas, lebih sistematik, bertenaga dan lebih rancak. Namun demikian, ingin saya menyarankan di sini bahawa oleh kerana di tahun-tahun yang mendatang penjaan ekonomi Sabah akan dijangka masih lagi bergantung kepada dana pelaburan dari dalam mahupun luar negeri, penyediaan persekitaran yang kondusif para pelabur haruslah diberi keutamaan. Penyediaan infrastruktur asas dan juga perindustrian haruslah dipertingkatkan lagi. Walaupun langkah-langkah seperti penyediaan tapak-tapak perindustrian, penyediaan zon perdagangan bebas dan juga pemberian insentif fizikal kepada para pelabur telah dijalankan, usaha ini harus ditingkatkan dan diperbanyakkan lagi sesuai dengan Wawasan Sabah untuk menjadi sebuah negeri industri yang semakin maju.

Tuan Yang di-Petua, penyediaan suasana pelaburan yang kondusif ini juga amat penting terutama dengan terbentuknya kawasan pertumbuhan Asean Timur yang merangkumi negara-negara Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina atau lebih dikenali dengan BIMP-EAGA. Sabah sebagai salah satu dari komponen BIMP-EAGA Area ini berpeluang untuk menyertai rangkaian pembangunan serantau yang mempunyai potensi yang lebih meluas berasaskan tarikan dengan izin, comparative advantage dan economic complementarity yang sedia ada. Di waktu yang sama, peluang negara melalui Sabah untuk meraih potensi pelaburan yang wujud dalam kawasan pertumbuhan ekonomi serantau ini juga semakin terbuka luas. Antara potensi yang telah dikenal pasti termasuklah pelaburan dalam sektor industri yang berasaskan sumber asli seperti kayu, sektor pertanian, sumber laut dan pelancongan.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan, untuk menggesa pihak-pihak yang berkenaan agar memberi perhatian serius dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk membangunkan industri maritim terutamanya industri perkapalan di Sabah. Memandangkan wujudnya potensi yang besar dalam sektor ini. Seperti yang kita sedia maklum negeri Sabah dikelilingi oleh laut dalam yang luas dan kedudukannya juga strategik di rantau BIMP-EAGA, ASEAN dan seterusnya Asia Timur.

Potensi untuk mewujudkan industrial class, dengan izin, untuk industri maritim dan perkapalan ini memang amat baik memandangkan kepesatan pembangunan ekonomi di rantau ini. Selain daripada menyokong industri pengangkutan, pelancongan dan industri berasaskan sumber asli laut seperti

penangkapan ikan di laut dalam, industri sokongan yang lain seperti pengurusan pelabuhan, pembuatan dan pembaikpulihan kapal termasuk peralatan pengangkutan laut dapat juga dibangunkan. Oleh itu, langkah-langkah untuk mengukuhkan industri maritim seperti yang terdapat dalam Belanjawan 1997 amat dialu-alukan. Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya insentif-insentif yang sesuai harus dikenal pasti untuk menjadikan Sabah sebagai pusat pembangunan industri maritim negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain memainkan peranan penting untuk menarik dana pelaburan ke dalam negeri, rangkaian infrastruktur juga penting untuk agenda pembangunan negeri Sabah secara amnya. Justeru cadangan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan rangkaian jalan raya untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar di Sabah serta mewujudkan Lebuh raya Pan-Borneo yang mampu menghubungkan Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini sangat dialu-alukan.

Begitu juga dengan peruntukan yang diberi untuk membina kampus tetap di Universiti Malaysia Sabah dan juga Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Sesungguhnya penyediaan infrastruktur seumpama ini sangat diperlukan untuk membantu mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah, di waktu yang sama untuk menghadapi cabaran mendatang memang tidak dapat disangkal lagi tentang peri pentingnya sains dan teknologi dalam pembangunan.

Seperti yang kita sedia maklum, sains dan teknologi merupakan elemen utama untuk mewujudkan masyarakat berilmu yang kita idam-idamkan selama ini. Dengan penekanan yang terus diberi kepada pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi di negara kita dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan melalui Belanjawan 1997 ini, saya yakin usaha ini akan memastikan kejayaan negara di abad mendatang.

Komitmen para pemimpin kita ke arah pembangunan sains dan teknologi juga begitu jitu dan ketara sekali dan sangat dialu-alukan oleh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan tempoh pembangunan negara, negeri Sabah juga tidak harus ketinggalan untuk membuat persiapan menghadapi era ledakan maklumat dan ekonomi digital yang kian mencabar ini. Ini juga bersesuaian dengan matlamat arah JPS yang memberi penekanan agar pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah di masa akan datang akan lebih berteraskan kepada ilmu dan penggunaan teknologi tinggi. Walaupun kita sedar ini memerlukan pelaburan yang tinggi, baik dari segi penyediaan infrastruktur mahupun pembangunan sumber manusianya, tetapi ini penting untuk menentukan daya saing negara kita dalam arena ekonomi serantau dan global.

Memandangkan peri pentingnya teknologi maklumat sebagai suatu kuasa dinamik dalam menentukan pembangunan negeri Sabah dan seterusnya penyertaan Malaysia dalam kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA menjelang abad ke-21 ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai pusat teknologi maklumat bagi kawasan BIMP-EAGA. Pusat tersebut bukan sahaja dapat meluaskan lagi penglibatan rakyat Malaysia, termasuklah di Sabah dalam pembangunan teknologi maklumat, tetapi ia juga meningkatkan penyertaan Malaysia dalam pembangunan teknologi maklumat di kawasan pembangunan di peringkat BIMP-EAGA melalui Sabah.

Memandangkan kedudukan Kota Kinabalu yang strategik dan juga rangkaian infrastruktur yang sedia ada dan yang akan dibangunkan tidak lama lagi seperti 'Rangkaian Gentian Optic' yang akan menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah dan juga pusat-pusat pertumbuhan lain di rantau ini. Hasrat ini harus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Di samping itu, saya juga mencadangkan....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang, Yang Berhormat, hendak beri jalan kepada dia?

Datuk Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Saya ingin teruskan, sebab masa saya tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Yang di-Pertua : Ya.

Datuk Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Mencadangkan supaya sebuah taman teknologi diwujudkan di Sabah, demi untuk menggalakkan usaha ke arah meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan sebagai penyokong usaha ke arah mewujudkan sebuah negeri perindustrian yang berteknologi tinggi dan berdaya saing.

Adalah diharapkan usaha ini akan menggalakkan penggunaan teknologi tempatan yang lebih sesuai dan akan mengurangkan kebergantungan kepada teknologi yang diimport. Langkah ini penting untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang lestari dan berdaya saing di masa akan datang.

Saya percaya dengan komitmen terhadap pengembangan sains dan teknologi seperti yang ternyata melalui Belanjawan 1997, hasrat untuk menjadikan negara ini sebuah negara industri yang berinovasi dan berteknologi tinggi akan tercapai dengan cemerlangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengalu-alukan langkah-langkah yang telah dicadangkan dalam Belanjawan 1997 untuk memantapkan agenda pembangunan sosial. Peruntukan pembangunan sejumlah RM7.051 bilion yang disediakan bagi pembangunan kawasan desa dan pedalaman jelas menunjukkan keprihatinan pucuk pimpinan kerajaan terhadap isu keadilan sosial.

Peruntukan sebanyak RM2.4 bilion bagi program mengurangkan kadar kemiskinan juga amat dialu-alukan. Bagi negeri Sabah memandangkan kadar kemiskinan dan pengangguran yang tinggi serta taraf sosio-ekonomi masyarakat desa masih lagi berada di tahap yang rendah berbanding dengan lain-lain negeri di Malaysia, saya harap pihak Kerajaan Persekutuan dapat memberi tumpuan yang lebih kepada negeri Sabah. Umpamanya, walaupun kadar pengangguran di Sabah telah berkurangan dari tahap 9.1% pada tahun 1990 kepada 5.6% pada tahun 1995, kadar ini masih lagi berada di tahap yang tinggi, yakni dua kali ganda lebih tinggi dari kadar pengangguran negara yang berada di paras 2.8%. Kadar ini juga adalah kadar pengangguran yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Di samping itu, Sabah juga mempunyai kadar celik huruf, kadar penduduk yang menikmati kemudahan air paip dan elektrik yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, masing-masing pada kadar 78.4%, 77.3% dan 78% pada tahun 1995 berbanding dengan kadar bagi Malaysia secara keseluruhan pada tahap 89.3% bagi Malaysia pada tahun 1995.

Memandangkan taraf sosio-ekonomi yang rendah dan kadar pengangguran yang tinggi, tidak hairanlah mengapa kadar kemiskinan di Sabah berada di tahap yang tinggi yakni 33.2% berbanding dengan 13.5% bagi Malaysia secara keseluruhannya bagi tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua , cadangan untuk menubuhkan Syarikat Perumahan Negara dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion adalah satu inisiatif yang amat dialu-alukan. Ini memandangkan kecenderungan pihak pemaju untuk menumpukan perhatian lebih kepada penyediaan rumah kos tinggi daripada kos sederhana dan rendah. Umpamanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam tahap pencapaian bagi penyediaan rumah kos rendah hanyalah pada kadar 76%, tetapi bagi rumah-rumah kos sederhana dan tinggi, tahap pencapaian telah melebihi sasaran yakni masing-masing pada kadar 140% dan 361%.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hujah-hujah yang saya bentangkan tadi, maka dengan ini saya tidak ragu-ragu menyokong Usul Belanjawan 1997 supaya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Keningau.

4.28 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas peluang membahaskan Belanjawan Negara 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, minggu yang lalu dalam Dewan yang mulia ini.

Jelas sekali bahawa Belanjawan 1997 telah diterima dengan baik oleh ramai warganegara Malaysia dan pelabur-pelabur luar negara. Golongan yang susah terutama sekali menghargai tambahan cara untuk membantu mereka dalam menangani masalah kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan penekanan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa pendekatan Belanjawan ini adalah 'jambatan abad ke 21 dan alaf baru' dan jambatan yang kita maksudkan ialah ketangkasan ekonomi dan keadilan sosial.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seterusnya menekankan dalam ucapannya perenggan 91, saya quote:

"Cita-cita kita untuk menjayakabn keadilan ekonomi, membela rakyat dan menegakkan demokrasi adalah didorong oleh semangat Al-Quran, Surah Hud, Ayat 85: janganlah kamu merugikan (menafikan) manusia terhadap hak-hak mereka."

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang keadilan masyarakat, saya ingin mengimbas kembali bagaimana rakyat Sabah telah dinafikan hak mereka meneruskan pemerintahan PBS setelah diberi mandat oleh rakyat dalam pilihan raya tahun 1994.

Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya tentang dasar kerajaan yang beria-ia sangat dan berjinak-jinak dengan Kerajaan Junta Myanmar yang telah menghancurkan demokrasi dan keadilan, bila menahan Aung San Suu Kyi seorang pejuang keadilan wanita yang telah diberi mandat oleh rakyat Myanmar melalui pilihan raya umum.

Kini Malaysia pula mahu mempelopori kemasukan Myanmar sebagai anggota ASEAN. Saya, menyokong segala usaha kerajaan untuk bekerjasama dan berbaik-baik dengan semua negara di rantau ini bahkan di seluruh dunia selaras dengan usaha Perdana Menteri untuk mempertingkat dan seterusnya mengangkat mertabat negara di arena politik antarabangsa.

Bagaimanapun, janganlah kita memberi gambaran yang salah kepada masyarakat antarabangsa bahawa kita ini bersifat munafik kerana ada pemimpin kerajaan yang dengan izin, "preaching one thing but practising another" dalam lain perkataan, "cakap tidak serupa bikin". Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa demokrasi ala Malaysia yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya, bukanlah berdasarkan penafian kepada hak rakyat menentukan siapa yang patut menerajui kerajaan seperti yang telah berlaku di Sabah dan juga di Myanmar yang kini seolah-olah kerajaan Malaysia menyokong pula tindakan junta yang menghalang dan menekan corak pemerintahan demokrasi di bawah pimpinan Aung San Sun Kyi, iaitu seorang pemenang "Nobel Prize".

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana banyak peringatan serta panduan bagi kita sekalian terhadap apa yang harus dilakukan demi keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Tahun yang lalu, dalam ucapan Belanjawan 1996 kita diberi harapan yang tinggi supaya 'jalan yang berlubang kita tampalkan' dan supaya masyarakat desa boleh menikmati bekalan elektrik, 'tekan sahaja sudah menyala'.

Belanjawan 1997 pula, kita sekali lagi diberi harapan yang tinggi. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa janji dan harapan yang tertulis dan disiarkan bukan hanya sekadar 'menanam tebu di bibir sahaja', seperti janji Seratus Hari Barisan Nasional di Sabah pada pilihan raya tahun 1994 di mana sehingga sekarang rakyat Sabah masih tertanti-nanti Seratus Hari itu ditunaikan. Sedangkan janji dan perancangan Rancangan Malaysia Keenam untuk membina dan menyiapkan 67 buah sekolah di Sabah, hanya 12 buah sekolah sahaja yang siap dan sehingga sekarang mungkin masih belum siap lagi pembinaan bagi bangunan-bangunan sekolah yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Keenam. Tidak payahlah saya menyenaraikan banyak lagi janji-janji yang dibuat oleh Barisan Nasional berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya menyokong segala usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar, yang mana kebanyakannya mereka hidup dalam keadaan daif dan tidak dapat menikmati hasil kemerdekaan dalam erti kata sebenarnya.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan, mengambil langkah-langkah positif untuk menangani kedaifan rakyat yang memerlukan bantuan kerajaan agar kemakmuran dan kesejahteraan hidup tidak berlegar di sekeliling segelintir masyarakat sahaja seperti dalam ucapan Belanjawannya. Untuk mencapai matlamat ini, pelaksanaan pembangunan seperti di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak hendaklah dilakukan seadil-adilnya. Demikian juga di antara bandar dan desa haruslah dibangunkan seiring dengan arus pembangunan yang dilakukan di bandar-bandar besar.

Saya menyentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana di Kuala Lumpur kita melihat, Menara Kuala Lumpur dan Menara Kembar Petronas, Lapangan Terbang Sepang dan pembangunan Putrajaya dan LRT. Ini semuanya mengambil atau memerlukan sebahagian besar daripada kewangan negara dan sudah tentu akibatnya pembangunan di luar bandar tidak dapat dilaksanakan seperti yang diharap-harapkan oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, siapa tidak ingin kemajuan. Tentu sekali semua rakyat Malaysia termasuklah negeri Sabah inginkan kemajuan. Tetapi rakyat Malaysia di negeri Sabah, termasuklah penyokong Barisan Nasional ingin sekali melihat janji-janji itu yang dijanjikan oleh Barisan Nasional ditunaikan supaya kejujuran kerajaan betul-betul kelihatan dan bukan tinggal sebagai kenangan dan harapan sahaja seperti janji 'di terang bulan di mana bulan tidak akan jatuh ke riba'

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa strategi sepertimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, strategi dan langkah-langkah pelaksanaan yang terkandung dalam Belanjawan ini mencerminkan hasrat luhur kerajaan untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan mutu hidup rakyat. Tetapi nampaknya ini hanya betul dalam konteks pelaksanaan di Semenanjung sahaja. Prinsip dan hasrat sepertimana yang dikatakan ini hanyalah dipraktikkan di Semenanjung dan itu pun di persekitaran Kuala Lumpur sahaja. Banyak juga negeri-negeri di luar Kuala Lumpur yang ketinggalan dalam pembangunan jika dibandingkan pembangunan persekitaran Kuala Lumpur.

Dan semakin tumpuan ini dibuat di persekitaran Kuala Lumpur, tentu sekali semakin banyak masalah kesesakan lalu lintas dan juga masalah sosial dan sebagainya timbul. Ini sudah ternyata dan kerana itu berbagai-bagai tindakan seperti membina LRT itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan tujuan kita ialah untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan mutu hidup rakyat, kita mesti mengambilkira semua rakyat termasuklah rakyat di negeri Sabah dan Kelantan juga kerana mereka adalah rakyat Malaysia. Walaupun ada penyokong pembangkang tetapi ada juga penyokong kerajaan bahkan jika kerajaan betul-betul boleh menunjukkan kejujuran dan keikhlasan terhadap pelaksanaan prinsip yang selalu diumumkan, ditekankan, dilaung-laungkan, ada

kemungkinan ramai mereka yang boleh tertarik dengan kejujuran dan keikhlasan dalam penunaian janji akan dengan sendirinya tertarik dan akhirnya boleh membawa diri mereka untuk menyokong kepada kerajaan.

Tetapi jika pendekatan itu tidak ikhlas dan hanya berasaskan politik semata-mata tentu sekali orang yang cintakan kebenaran, kejujuran dan keikhlasan tidak akan tertarik dan akan terus teguh ke atas kepercayaan mereka berasaskan kejujuran dan keikhlasan dalam prinsip perjuangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal perjuangan kita tidak seharusnya melakukan pendekatan "double standard", dengan izin. Kerajaan sama ada Barisan Nasional atau tidak tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, bagi mentadbir negara kita berasaskan undang-undang dan prinsip-prinsip rukunegara haruslah mengubal perancangan berasaskan perlembagaan dan prinsip-prinsip demokrasi tulen tetapi juga melakukan "enforcement", dengan izin, dengan hanya memihak kepada undang-undang dan bukan "double standard".

Saya mengatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana ternyata dalam hal mengatasi masalah "refugees" dan "illegal immigrant", dengan izin. Tindakan-tindakan menangani masalah ini berbeza sekali dengan warganegara Vietnam dan warganegara Filipina dan Indonesia. Ini mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan PBS masih dalam Barisan Nasional, kita telah memohon amnesty untuk kedua-dua pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia yang bermajikan. Tetapi yang dibenarkan pada ketika itu hanyalah amnesty bagi illegal immigrant workers dari Indonesia, dengan izin, tetapi amnesty tidak dibenarkan untuk warganegara Filipina. Itu pun hanya terhad kepada lebih kurang 65,000 illegal workers dari Indonesia.

Walaupun kita bertujuan untuk memperbaiki dan mengawal keadaan, pada keseluruhannya dasar dan pendekatan itu tidak menentu. Baru-baru ini nampaknya ada perubahan lagi. Ada amnesty exercise yang dipanggil regularization exercise, dengan izin, yang dikenakan kepada pendatang tanpa izin, kali ini kepada kedua-dua warganegara Indonesia dan Filipina. Itu pun dihadkan masanya sehingga 30hb. November 1996. Sepatutnya, kalau ada amnesty atau regularization exercise, ditentukan dasar terlebih dahulu dan diberikan masa yang cukup supaya tidak menyusahkan semua pihak yang terlibat dalam menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan perenggan 85, muka surat 57 ucapan Belanjawan Menteri Kewangan mengenai dengan demokrasi. Dia mengatakan, dengan izin,

"Kerana demokrasi ala Malaysia ialah demokrasi yang berasaskan prinsip syura yang terpujuk sebagai wasilah mencapai keadilan, kesaksamaan dan keberkesanan rakyat. Kalau ini dibaca dengan ayat 85, surah Huh dalam Al- Quran yang berbunyi, 'janganlah kamu merugikan atau menafikan manusia terhadap hak-hak mereka.'"

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang masih berlaku dan yang sudah berlaku, terutama di negeri Sabah yang boleh dipertikaikan. Sebagai warganegara Malaysia, kita mempunyai hak-hak tertentu seperti hak-hak untuk mengundi dalam pilihan raya dan hak ini adalah amat penting sekali bagi warganegara Malaysia. Kalau hak ini terjatuh kepada orang asing, demokrasi kita di Malaysia dan keselamatan negara akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya kesal dengan beberapa jawapan kerajaan di dalam Dewan Parlimen mengenai dengan daftar pemilih dan 'pengundi-pengundi hantu'. Seringkali jawapan menggambarkan seolah-olah apa yang dimaksudkan oleh pihak kami adalah bohong dan tidak terbukti, walhal banyak bukti yang telah kami bawa ke Parlimen dengan nombor dan nama orang-orang asing itu dan juga menunjukkan bahawa nama mereka terdapat di dalam buku daftar pemilih. Nampaknya bukti-bukti

ini tidak bermakna kepada kerajaan dan tidak digunakan sebagai bukti penyiasatan. bahkan nampaknya segala bukti yang dikemukakan telah tidak diambil berat sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tangan saya ada beberapa petikan dari surat khabar yang menunjukkan bahawa banyak bukti yang menunjukkan ramai orang asing telah memperolehi kad pengenalan biru dan telah berdaftar sebagai pengundi di dalam buku daftar untuk negeri Sabah. Satu daripadanya ialah dari "*The daily Express*", 6hb. Disember 1994 yang menunjukkan ada lima orang Filipina yang telah dijatuhkan hukuman 3 bulan penjara kerana mereka menggunakan kad pengenalan palsu dan cuba pula terbang dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur. Nombor-nombor mereka semua ada di sini dan empat orang daripada mereka mengakui telah pun mengundi di dalam Pilihan raya Umum tahun 1994.

Yang lebih serius lagi adalah penggunaan kad pengenalan palsu oleh orang-orang asing untuk masuk bekerja sebagai askar di dalam armed forces kita ini. Di dalam akhbar 12hb. Mei 1996, terdapat dua kes di mana mereka cuba masuk bekerja sebagai askar tetapi telah didapati dokumen mereka itu adalah palsu. Mereka ditangkap dan pengumuman dari Kapten Yazid menunjukkan bahawa ada beberapa orang lagi yang telah masuk sebagai askar rekrut yang juga menggunakan kad pengenalan palsu dan mereka sedang bergiat untuk bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara supaya dapat mengesan siapakah lagi yang sudah masuk sebagai askar yang telah menggunakan kad pengenalan palsu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ada kaitan dengan sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu ini dan juga sindiket memasukkan nama mereka ini ke dalam buku daftar pemilih adalah perkara yang amat serius dan harus diambil kira oleh pihak kerajaan dan tidak menolak apa sahaja bukti yang kita bawa ke dalam Parlimen ini kerana kita bertujuan untuk membantu kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan PBS untuk membawa bukti-bukti ini adalah untuk cuba memenuhi kehendak demokrasi dan undang-undang negara selaras dengan dasar Barisan Nasional dan kerajaan yang selalu diumumkan di seluruh dunia. Sebenarnya banyak sudah bukti kami bawa ke pengetahuan kerajaan bahawa ramai pendatang haram telah diberikan kad pengenalan biru. Kerajaan sendiri melalui pihak polis sudah mengetahui adanya beberapa sindiket pengeluaran kad pengenalan biru yang palsu dan tidak kurang daripada 50 orang telah pun ditahan ISA kerana itu. Perkara ini amat serius sekali. Mengapa pula tiada seorang pun daripada mereka yang akan dihadapkan ke mahkamah? Adakah ini satu cara untuk cover-up, dengan izin, atau melindungi kepala-kepala tertentu yang terlibat dalam operasi sindiket?

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan dari apa-apa sangkaan, lebih baik mereka yang sekarang dalam tahanan ISA dihadapkan sahaja ke mahkamah supaya mereka akan disoal siasat di hadapan orang ramai. Ini akan membuktikan tiada sindiket yang lebih besar terlibat dalam pengeluaran kad pengenalan palsu.

Tuan Yang di-Pertua, terbongkarnya sindiket-sindiket ini tidak bermakna bahawa selesailah masalah pemalsuan kad pengenalan kerana, seperti mana yang saya ceritakan tadi, terdapat beberapa orang asing yang telah menggunakan kad pengenalan palsu dan kad pengenalan baru orang tempatan dengan menukar gambarnya dan cuba masuk sebagai askar rekrut di Kem Lokawi, Kota Kinabalu. Mereka telah pun berjaya dalam peringkat awal, tetapi nasib baik pihak askar mengesan pemalsuan kad pengenalan itu dan akhirnya menangkap orang-orang asing ini. Mengikut laporan ini, adalah kali yang kedua warganegara asing cuba menjadi anggota askar dengan menggunakan kad pengenalan palsu.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pemikiran kita ini cepat melupakan apa yang sudah berlaku di masa yang sudah lalu. Saya masih ingat lagi seorang budak dari Germany yang tertinggal di negeri Sabah kerana dia telah jatuh cinta pada seorang wanita di pedalaman dan dia meninggalkan sahaja ayahnya untuk mencarai wanita itu. Akhirnya dalam beberapa minggu, dia bukan sahaja telah didapati mempunyai kad

pengenalan biru, tetapi pada tahap yang awal sudah cuba untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami huraikan di sini adalah satu perkara yang harus diambil berat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan pihak kerajaan serta semua pihak berkuasa di dalam negara kita ini supaya terjaminlah demokrasi yang tulen di negara kita dan apabila kita mengadakan pilihan raya, tidak ragu-ragu lagi kita mengisytiharkan bahawa pilihan raya itu adalah pilihan raya yang bersih dan sah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami bawa ke dalam Dewan yang mulia ini adalah demi kepentingan negara, rakyat Malaysia serta keperluan demokrasi. Kalau kerajaan betul-betul tulus ikhlas terhadap hak-hak warganegara Malaysia tidak ada masalah yang berat bagi mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya bagi menyasiat dan memastikan tiada rakyat asing yang termasuk sebagai pengundi di dalam buku daftar pemilih yang boleh mencuri hak rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penswastaaan beberapa aspek perkhidmatan sokongan di semua hospital kerajaan yang telah dimuatkan sebagai 'headline' di dalam akhbar *The New Straits Times* pagi tadi. Seperti yang diketahui, Memorandum of Understanding (MoU) penswastaaan itu telah pun ditandatangani. Saya hairan mengapa MoU itu ditandatangani begitu cepat sekali sedangkan cadangan seperti itu dalam Belanjawan 1997 masih dalam peringkat perbincangan di dalam Dewan yang mulia ini diambil kira sebelum kerajaan memutuskan sesuatu mengenai perkara penting yang melibatkan rakyat seperti perkhidmatan kesihatan.

Adalah menjadi harapan saya agar penswastaaan terhadap perkhidmatan hospital itu tidak akan membebankan rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Janganlah pula seperti yang berlaku di dalam perkhidmatan Indah Water Konsortium yang mengenakan bayaran perkhidmatan sedangkan perkhidmatan yang dimaksudkan tiada disediakan. Tambahan pula, kualiti perkhidmatannya bukan seperti yang diharap-harapkan oleh rakyat.

Saya berharap dengan penswastaaan ini kerajaan akan dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan kesihatan terutama sekali bagi rakyat di luar bandar. Kedaan perkhidmatan dan bangunan-bangunan hospital luar bandar di negeri Sabah sangat-sangat memerlukan tindakan wajar. Rakyat di tempat-tempat terpencil di Sabah pula, memerlukan klinik-klinik kesihatan desa. Saya berharap benar supaya sebahagian besar daripada hospital baru dan klinik kesihatan yang telah dirancang untuk dibina pada tahun hadapan akan ditempatkan di negeri Sabah terutama sekali di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membina jambatan pada abad ke-21, adalah perlu negeri-negeri yang jauh dari Kuala Lumpur tidak ketinggalan. Kadang-kadang berlaku 'out of sight, out of mind', dengan izin, dalam perancangan. Kita sebagai rakyat Malaysia di Malaysia Timur iaitu di Sabah dan Sarawak yang lebih daripada 1,000 km jaraknya daripada Kuala Lumpur memohon supaya digunakan pendekatan 'jauh di mata, dekat di hati' dalam perancangan pembangunan.

Misalnya dalam tujuan kerajaan untuk mengatasi masalah current account deficit, dengan izin, dan memperkukuhkan kedudukan imbalan bayaran, satu daripada kegiatan ekonomi yang digalakkan ialah industri pelancongan. Tidak boleh dinafikan bahawa untuk jangka masa hadapan industri pelancongan akan menjadi 'foreign exchange earner', dengan izin, yang utama sekali di negara kita kerana di negeri Sabah dan Sarawak mempunyai ingredients, dengan izin, dan 'tourist attraction' yang asli bahawa pembangunan industri pelancongan di kedua-dua negeri ini harus dipertingkatkan lagi. Memang sudah ada usaha dari Kerajaan Persekutuan akan mempercepatkan dan meningkatkan bantuan kewangan dan infrastruktur di kedua-dua buah negeri ini.

Infrastruktur seperti lapangan terbang yang baru untuk menampung Boeing Jumbo Jet di Kota Kinabalu, misalnya, 'open sky policy' dan lain-lain infrastruktur

seperti lapangan terbang yang baru untuk Tawau, semua akan mempercepat pertumbuhan industri pelancongan. Kita berterima kasih atas kewangan berjumlah RM294.5 juta yang telah diumumkan oleh YAB Menteri Kewangan bagi meningkatkan kegiatan pelancongan tetapi bagi pihak rakyat Sabah dan peminat-peminat pelancongan daripada RM294.5 juta ini, saya ingin bertanya berapa banyakkah yang sebenarnya yang akan sampai dan digunakan di negeri Sabah kerana banyak bumiputra juga yang ingin berkecimpung dalam kegiatan pelancongan dan kerana itu kita merayu bolehkah Menteri Kewangan atau Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menjelaskan bagaimana mereka boleh memohon bantuan dan apakah syarat-syaratnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jika dibandingkan peratusan lebih ramai daripada Malaysia Timur negeri Sabah dan Sarawak berkunjung ke Semenanjung. Disebabkan itu galakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan harus diwujudkan supaya lebih ramai lagi saudara saudari berkunjung dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak bagi menikmati keindahan semula jadi dan mengeratkan lagi tali silaturahim di antara kita sekalian sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa rakyat Sabah khususnya bumiputra yang minat sekali berkecimpung dalam kegiatan dan industri pelancongan lebih fasih, saya ingin merayu dan memohon supaya lebih banyak peluang latihan atau kursus atau peluang memperolehi biasiswa berkaitan dengan pelancongan diberikan kepada mereka. Ini akan membantu kerajaan dalam menarik lebih ramai pelancongan ke negara kita dan negeri Sabah serta negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kerajaan mengarahkan ekonomi negara kita kepada kegiatan ekonomi yang berkapital intensif, kita merayu supaya peluang yang saksama dapat diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak kerana kita mempunyai tenaga manusia yang boleh dilatih dan boleh muncul sebagai tenaga manusia yang mahir, tekun, produktif, rajin dan dedikasi. Hanya yang diperlukan oleh mereka ialah berlatih, belajar dan juga bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada peruntukan RM13.2 bilion disediakan untuk sektor pendidikan dan latihan tenaga kerja tetapi yang kita harapkan ialah peruntukan yang seimbang dan adil untuk negeri Sabah dan Sarawak yang jauh di mata tetapi harap dekat di hati, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua orang senang hati mengetahui bahawa pembangunan desa tidak ketinggalan dan sepertimana yang dikatakan dalam ucapan Belanjawan, sejumlah RM7.051 bilion disediakan bagi pembangunan kawasan desa dan pedalaman. Ini termasuk penyediaan prasarana asas seperti jalan dan bekalan air serta elektrik yang berjumlah RM726 juta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana begitu kurang sekali projek-projek pembangunan luar bandar daripada kerajaan negeri sekarang, kita mengharapkan agar lebih banyak daripada peruntukan ini disalurkan ke negeri Sabah supaya rakyat luar bandar yang perlu dibantu boleh bernagas dalam kegiatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu diingatkan bahawa rakyat di luar bandar adalah juga pemangkin dalam kegiatan ekonomi dan perniagaan. Kalau mereka bertambah pendapatan, bertambahlah kuasa beli (purchasing power) mereka dan bertambah giatlah gerakan ekonomi kita dari desa terus ke bandar. Inilah kebaikannya, Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Kerajaan Pusat boleh membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan komen-komen yang telah saya lafazkan, saya menyokong Belanjawan 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

5.00 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mewakili rakyat di kawasan Parlimen Larut bagi

membahaskan Ucapan Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang kita kasihi pada 25 Oktober, 1996 jam 4.00 petang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan progresif dengan penuh rasa 'al adlu wal ihsan', menurut falsafah perjuangannya. Belanjawan itu merangkumi semua aspek hidup manusia di rantau ini termasuk yang kaya, yang miskin, petani, peladang dan penternak. Ianya sungguh membayangkan tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengambil berat mengenai rakyat jelata tanpa membezakan di antara satu dengan lain, menurut falsafah perjuangan Umno Barisan Nasional yang mana perpaduan rakyat lebih diutamakan, bukan seperti parti-parti lain. Semoga Belanjawan ini sesuai dengan Surah Hud yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Menurut ajaran Islam, iaitu hak-hak manusia tidak boleh ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kemasukan Semangat 46 ke dalam Umno. Ini menunjukkan bahawa Semangat 46, saya rasa, lebih mementingkan perpaduan orang-orang Melayu daripada mementingkan diri mereka sebagaimana perpisahan berlaku pada tahun 1987. Kerana perjuangan untuk pemimpin yang mana tidak mendapat platform yang kukuh. Kembalinya Semangat 46 ke dalam Umno tanpa apa-apa syarat, menunjukkan bahawa mereka juga prihatin, berperanan penting memberi, top priority, dengan izin, kepada kepentingan bangsa, agama dan tanah air. Semoga kehadiran mereka diredhai oleh Allah untuk mengukuhkan lagi pentadbiran negara kita di bawah pemerintahan Barisan Nasional berteraskan Umno.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Yang Berbahagia Tan Sri Razali Ismail sebagai Pengerusi UNGA 1996 amatlah membanggakan kita. Ini membuktikan bahawa Tan Sri Razali diterima oleh 184 bangsa di dunia untuk mempengerusikan mesyuarat. Malaysia berharap segala perubahan agenda akan boleh diimplementasikan kerana ianya seorang yang bijak bistari. Kita bangga kerana pertama kali anak Melayu di Bangsa-bangsa Bersatu sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berbangga dengan ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-bangsa Bersatu yang mana lantang, terang dan terserlah memberi teguran dan kritikan-kritikan supaya dunia sedar pemimpin kita bukan pemimpin 'yesman', bahkan seorang pemimpin yang berani, yang agresif, yang mempunyai wawasan, yang tidak tolok-bandingnya dengan pemimpin-pemimpin lain di dunia. Bahkan Perdana Menteri lebih terkenal di dunia hari ini atas agenda perjuangannya, atas niatnya yang luhur dan ikhlas atas semua agenda dengan jujur, tidak menyembunyikan masalah dunia serta masalah bangsa yang patut diselesaikan bersama-sama melalui meja bulat.

Penganiayaan yang sering berlaku di negara-negara daif dan lain-lain negara di Afrika adalah diberi perhatian istimewa oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Saya suka mengulangi sekali lagi apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri di Bangsa-bangsa Bersatu di sesi menyambut Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-50 Tahun sudah. Ia menekankan bahawa negara-negara yang membuat keuntungan, yang maju, yang membuat berbagai-bagai keuntungan daripada peperangan perlu membuat sumbangan kepada negara-negara miskin, khasnya keuntungan-keuntungan yang timbul dari penjualan senjata api dalam peperangan seperti yang berlaku di Iraq dan lain-lain negara. Ia berkata:

"He who profits from the tools of war must contribute to the maintenance of peace". Dalam ucapannya di Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini, Perdana Menteri telah menekankan dan menyuarakan bahawa dalam masa tiga tahun mencapai kemerdekaan Malaysia telah melibatkan diri dalam usahanya secara global apabila menghantar pasukan pengaman ke Congo dengan membayar semua kos penglibatan itu sama ada dibantu oleh United Nation atau tidak. Ia berkata, "I would like to think that the selection has to do with Malaysia's efforts and involvement with the United Nations and globally. Within three years of Malaysia's independence, we were involved in UN Peace Keeping Operation in the Congo. Today, in Bosnia-

Herzegovina, Malaysia is perhaps, the only developing country participating in the NATO Led Peace-Keeping Forces, paying in full the cost of our involvement. Malaysia will continue to participate in international activities, UN sponsored or otherwise, combining altruism with enlightened self-interest," dengan izin.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia walaupun negara sedang maju dan kecil, telah berupaya menolong negara-negara lain khususnya di Bosnia-Herzegovina yang mana semua perbelanjaan itu ditanggung oleh Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun. Keupayaan ini tidak boleh dinafikan. Di negara-negara sedang maju lain, Perdana Menteri berkata, "While some developing countries get fragmented and marginalized, the process of power accretion and benefits continue with the major countries, aided by their control of the Security Council, their monopoly of nuclear power and their economic high ground. Once sees various twists and turns, double standards and selectivity, as the dictates of domestic politic overrule justice and humanitarian in international affairs. Commitment to multilateralism is so qualified and investment in the UN so tentative and common needs have often been sacrificed."

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Itu apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri. Saya tolong ulang saja. [Ketawa] Begitulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mensifatkan keadaan negara membangun yang lemah dan rapuh dan tertakluk kepada kuasa-kuasa besar. Negara kita telah dan akan mencapai ke satu tahap negara maju pada tahun 2020. Dan pencapaian ekonomi negara bukan secara spontan ataupun automatis. Negara mencapai ekonomi dengan pertumbuhan 8% amatlah kukuh untuk kita berbangga dan bermegah jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk Eropah dan England. Kita perlu bersyukur kerana Firma Allah [membaca sepotong ayat al-Quran] yang bermaksud: "Jika kamu bersyukur, Kami akan menambah nikmat yang lebih, bila kamu kufur atas nikmat yang diberi, nescaya seksa di Akhirat amatlah pedih".

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri selama ini bekerja kuat bagi mengukuhkan imej pelaburan Malaysia di luar negara, dengan wujudnya pejabat-pejabat Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) di seluruh negara. MITI telah berjaya membawa pelabur-pelabur besar ke Malaysia seperti Jerman, Amerika, Korea dan Taiwan. Sejak tahun 1991, MITI telah berjaya menandatangani sebanyak 716 perjanjian pemindahan teknikal dengan beberapa institusi dan syarikat-syarikat tempatan dalam usaha memindahkan teknologi secara berperingkat-peringkat daripada syarikat-syarikat gergasi luar negara ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 716 perjanjian itu, 357 perjanjian bantuan teknikal, 142 perjanjian pelesenan paten, 74 perjanjian pengetahuan dan 16 perjanjian pengurusan.

Kita berharap perjanjian-perjanjian ini akan menguntungkan usahawan-usahawan, khasnya bumiputera, untuk sama berkecimpung mengambil peluang daripada syarikat gergasi luar negara dengan lebih bersedia untuk memenuhi syarat-syarat bagi mendapat kontrak yang besar-besarnya secara positifnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita amatlah sedih bahawa apabila kita renung sejenak, syarikat-syarikat besar seperti Hicom, Motorola dan Harris Semiconductor, tidak memberi peluang kepada pembekal-pembekal barang komponennya - elektrik dan elektronik dan sebagainya. MITI perlu mengambil langkah-langkah yang relevan supaya peluang-peluang diberi kepada bumiputera kerana program-program "Pandang Ke Timur: kerajaan guna membantu memindahkan teknologi Jepun ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak bumiputera yang berminat, tetapi mungkin tidak ada modal (capital). Suka saya menarik perhatian di sini, setakah manakah PUNB bersama MITI berjaya dalam langkah-langkahnya menolong bumiputera dan apakah internettingnya?

Tuan Yang di-Pertua,, kejayaan demi kejayaan dicapai di seluruh negara dengan pimpinan yang baik berteraskan parti UMNO yang memang mengkagumkan seluruh bangsa di duni dan tidak boleh dinafikan sama sekali oleh mana-mana pihak. Semua kejayaan ini memberi tempat kepada bumiputera untuk negara terus stabil dan united, dengan izin, bagi menghadapi Wawasan 2020 dan seterusnya "Malaysia Boleh", "Kita Boleh".

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan -pendidikan latihan mendapat keutamaan dan perhatian besar dan kerajaan. Bagi tahun 1997, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM13.2 bilion untuk maksud tersebut. Jumlah ini adalah 22% daripada RM59.982 bilion untuk kesemua perbelanjaan kita bagi tahun 1997. Ianya berbeza dengan tahun 1995, apabila peruntukan hanya RM10.031 bilion dan pada tahun 1994 sebanyak hanya RM7.715 bilion. Pemberian ini membuktikan keyakinan, komitmen dan iltizam kerajaan bagi meningkatkan sumber daya manusia tempatan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar memperkatakan bahawa pembangunan sumber daya manusia masih merupakan strategi paling berkesan bagi menjamin mobiliti sosial dan merapatkan jurang - kesenjangan yang melebar. Tahap profesionalisma, kemahiran dan ketrampilan serta kepakaran dan pentadbiran dan pengurusan dianggap kritikal. Saya berharap semuanya ini dapat dilaksanakan dan dibereskan dengan perbelanjaan yang sebesar itu. Yang Amat Berhormat juga memperuntukkan sebanyak RM1 milion untuk dana pendidikan tinggi. Kita berharap peruntukan ini melegakan semua pihak, apabila kerajaan sedang merancang untuk mengkorporatkan universiti-universiti. Ianya bagi menampung perbelanjaan penuntut-penuntut yang mendapat tempat di institusi pengajian tinggi yang menghadapi masalah kewangan. Peruntukan ini hendaklah diagihkan dengan bijaksana bagi menunaikan janji-janji kerajaan bahawa apabila universiti-universiti dikorporatkan, ianya tidak akan membei apa-apa masalah kepada mereka yang layak untuk memasuki institusi pengajian tinggi.

Pelajar-pelajar istimewa dari kampung-kampung yang "nun jauh di sana", yang ibu bapa mereka daif, tetapi berkelayakan mengikut kursus di institut pengajian tinggi hendaklah diberi keutamaan dan tiada pilih kasih apabila perkara ini berbangkit untuk dilaksanakan. Bayaran balik apabila mereka bekerja melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah langkah yang amat bijak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, badan-badan lain pun, seperti MARA, Petronas, Bank-bank dan lain-lain institusi yang memberi pinjaman perlu mengambil langkah yang sama supaya dana-dana yang dikeluarkan itu didanakan semula untuk kesinambungan pelajar-pelajar lain selepas yang lain. Dengan pengecualian cukai 50% ke atas bayaran gaji-gaji pensyarah luar negeri, saya rasa ini amatlah menarik kerana dengan penarikan itu dapat kita benar-benar memenuhi kehendak supaya negara kita menjadi sebuah negara industri pendidikan seperti yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selain daripada industri-industri besar bagi menghadapi Wawasan 2020.

Dengan yang demikian juga, pelajar-pelajar dapat mempelajari semua ilmu dan teknologi tanpa pergi ke luar negeri dengan belanja yang lebih banyak. Mereka boleh meneruskan pelajaran ke luar negara apabila dikehendaki sahaja, untuk pelajaran tinggi seperti Ph.D. dan lain-lain. Saya menyarankan supaya badan korporat, usahawan yang berjaya menerusi Dasar Ekonomi Kerajaan juga menyumbang ke arah ini sebagai tanggungjawab sosial mereka kepada negara. Dengan peruntukan yang besar ini, saya juga berharap kementerian dapat membekalkan komputer di semua sekolah kerana perkara ini sudah menjadi masalah besar kepada wakil-wakil rakyat di mana-mana sahaja. Ilmu-ilmu komputer sangat mustahak, apa lagi bila kita menghadapi teknologi canggih "Super Corridor Multimedia", Internet dan berbagai-bagai agenda yang istimewa sekali.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru di luar bandar perlu diberi perhatian mengenai elaun-elaun mereka mengikut kadar jauhnya sekolah-sekolah dari bandar.

Insentif-insentif tertentu perlu difikirkan dan dilaksanakan kerana murid-murid bumiputera kebanyakannya tinggal di luar bandar. Dengan insentif yang demikian, mereka mempunyai minat untuk mengajar, walaupun di Ulu Rompin.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah perlu diperbesarkan seperti sekolah-sekolah perlu diperbesarkan seperti sekolah-sekolah menengah di luar bandar yang masih berkurangan bilik-bilik darjah, bilik-bilik makmal dan berbagai-bagai lagi kelengkapan asas seperti padang bola, padang bola takraw dan lain-lain kemudahan bersukan. Ini perlu bagi manjahkan mereka dari amalan yang merosak akhlak dan menjadi malas dalam usaha bersungguh mencapai kejayaan cemerlang dan akhlak yang mulia itu amatlah perlu kerana sabda Rasulullah s.a.w [membaca Hadis] "Sesungguhnya aku dibangunkan untuk menyempurnakan akhlak". Dan firman Allah [membaca ayat al-Quran].

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan rancangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah mengisytiharkan Tabung Pelajaran Negara bagi penuntut-penuntut yang daif pendapatan ibu bapa mereka untuk membiayai anak-anak ke pusat-pusat pengajian tinggi, ke universiti-universiti atau institusi pendidikan tinggi. Perkara ini adalah amat ketara sekali, tiap-tiap tahun kita perolehi penuntut-penuntut yang mencapai kejayaan yang memuaskan untuk memasuki ke institusi-institusi tersebut.

Saya menyarankan supaya tabung yang dilancarkan itu akan digunakan untuk keperluan mereka dan mereka hendaklah diberi peluang supaya dapat mengekalkan pengajian mereka dengan bersungguh-sungguh melalui tabung itu supaya ibu bpa mereka yang daif itu tidak lagi seperti sekarang ini, yang mana sentiasa berjumpa dengan Wakil Rakyat untuk memohon RM2,000 – RM3,000 apabila anak-anak mereka masuk ke universiti-universiti, sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian mengenai biasiswa-biasiswa JPA, MARA atau badan-badan lain yang telah diluluskan dan telah dihantar ke universiti-universiti untuk diagihkan kepada penuntut-penuntut.

Tetapi, apabila penuntut-penuntut masuk di mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi dengan biasiswa dan bantuan pinjaman yang diakui itu, baru-baru ini saya dapati bahawa penuntut-penuntut miskin menghadapi kesusahan perbelanjaan kerana wang yang diluluskan dan telah dihantar ke universiti-universiti itu tidak dikeluarkan oleh pihak universiti itu, tidak dibayar kepada penuntut-penuntut berbulan-bulan sampailah sekarang ini, kalau tidak salah!

Jadi, apakah gunanya wang itu disimpan di dalam bank – untuk mendapat faedah? Tetapi faedah itu tidak selaras dengan konsep "Al'adluwal ihsan". Saya harap perkara ini dapat diselesaikan serta-merta. Saya berharap

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Larut memberi nama universiti-universiti yang berkenaan supaya senang kita hendak jawab nanti, universiti-universti mana Ahli Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri bersurat, listnya panjang. [Ketawa] Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan seriusnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengambil langkah yang positif akan kesusahan yang ditanggung oleh penuntut-penuntut ini. Apatah lagi jika mereka itu datang dari keluarga yang miskin, yang ekonominya 'rapuh', amatlah sengsara bagi menampung perbelanjaan anak-anak mereka kerana

basiswa bantuan lambat dikeluarkan. Di manakah kedudukan keefisienan yang dilaung-laungkan oleh 'kita' selama ini? Kerana sabda Rasulullah s.a.w, [*Membaca sebuah hadis*] Siapa yang hendak maknanya – cakap! [*Ketawa*] Yang bererti, "setiap kamu adalah pemimpin ataupun pengembala, setiap pengembala atau pemimpin itu akan disoal oleh Allah S.W.T nanti.

Kementerian melaung-laungkan supaya penuntut-penuntut maju, ceria, berjasa untuk memenuhi Wawasan 2020, tempat ada berpuluh-puluh ribu tetapi bayarannya tidak ada untuk belajar buat masa inilah, mungkin tindakan telah diambil saya pun tidak tahu! Tetapi, pihak-pihak tertentu melengah-lengahkan bayaran yang sepatutnya dibayar kepada penuntut-penuntut sama ada miskin ataupun kaya sekiranya bantuan-bantuan itu telah diluluskan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian bahasa Inggeris amatlah lemah dan daif di sekolah-sekolah luar bandar. Bagaimana perkara ini tidak disedari atau disedari atau hanya mendiamkan diri. Saya memohon dengan seriusnya supaya langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar dipertingkatkan dengan membawa gugu-gugu yang lebih terlatih dalam bahasa Inggeris atau cara-cara penyampaian lebih positif dan berkesan.

Jika perlu, guru-guru dari luar negeri yang berketurunan Inggeris perlu dihantar ke kampung-kampung. Pencapaian murid-murid dalam peperiksaan PMR. SPM amatlah mendukacitaka bila ianya berhubung dengan bahasa Inggeris. Saya masih ingat dahulu ada Peace Corp. Tetapi sekarang tidak ada Peace Corp.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menubuh semula Kolej Islam Malaya. Dahulu sudah ada, tetapi sekarang sudah tidak ada. Dijadikan sekolah menengah sekarang ini sahaja, setelah berfungsi dari tahun 1955 sehingga akhir tahun 60-an. Kita perlu kepada maktab seperti ini kerana terbukti bahawa penuntut-penuntut Kolej Islam Malaya dahulu mempunyai kebolehan luar biasa, mereka boleh menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar atau mana-mana sahaja termasuk United Kingdom.

Kedua, untuk menjimatkan belanja dan menghantar penuntut-penuntut ke negara Arab. Tidak mengapalah untuk kursus lanjutan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ini bukan 'orang terjun' ini!

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, adakah termasuk Yang Berhormat sendiri bekas penuntut Kolej Islam Malaya?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beritahu secara bertulis! [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Semuanya Ahli Yang Berhormat hendak jawab secara bertulis ya? [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapalah untuk kursus lanjutan. Kita perlu kepada ulama-ulama yang sederhana, yang sentiasa faham kepada keadaan dan masa. Kita tidak mahu ulama-ulama yang degil dan ustaz-ustaz yang fanatik, yang 'rapuh' bila berjumpa akhlaknya dan 'jumud' dan yang tidak langsung flexible bahkan cara penyampaian ilmu pun garang macam 'kera baru dapat'. [*Ketawa*]

Kita mahu orang-orang 'alim kita yang berpegang kepada Firman Allah S.W.T. Bismillahir Rahmanir Rahim: [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang

bermaksud: "Carilah, kejarilah untuk kamu menuju akhirat dan jangan kamu sekali-kali lupa habuan kamu di dunia."

Ini adalah anjuran Islam, kehendak Islam – Al-Quran, kitab suci Allah S.W.T. Kita mahu ulama-ulama yang berperanan, yang sama-sama bertanggungjawab dalam pentadbiran negara, kerana sabda Rasulullah s.a.w "al-ulama warasatul ambia" – "Ulama itu waris kepada seluruh Nabi-nabi."

Kita mahu ulama-ulama yang benar-benar menjadi waris kepada Nabi. Justeru itu kita perlu kepada kolej Islam berfalsafah seperti Kolej Islam di Kelang dahulu yang telah berjaya mengeluarkan ulama-ulama sederhana, yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanah air serta mempunyai kapasiti mentadbir.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hai! Bukan, bukan, ini hakikat!

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kita mempunyai sekolah-sekolah Arab, agama bertaburan di seluruh negara. Sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah Arab tidak mempunyai agenda tertentu dan tidak mempunyai wawasan spesifik dan tidak pula mempunyai kurikulum yang sama, bahkan mengikut hawa nafsu mudir-mudir mereka dan ada kalanya pula mengikut kehendak parti politik di samping mereka mempelajari agama sedikit sebanyak.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya serius, bukan hendak melawak! Saya selalu terkeliru dengan soal 'ulama' ini. Ahli Yang Berhormat adalah seorang daripada orang yang dilatih di bidang jurusan agama dan lepas itu dilatih dalam bidang undang-undang di England – di mana saya tidak tahu. Tetapi kedua-duanya boleh!

Jadi, banyak orang sekarang sedang mendakwa bahawa diri mereka 'ulama' dan orang lain mendakwa orang itu 'ulama', jadi, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Larut memberitahu ahli Dewan, apakah ciri-ciri seseorang itu yang boleh didakwa sebagai ulama? Sebab terlalu banyak sangat 'ulama' sekarang ini!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak beritahu ciri-ciri 'ulama' ini memang banyak! Tetapi yang saya maksudkan itu mungkin Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap 'deep inside of his heart – he knows!', dengan izin. *[Ketawa]* Iaitu ulama yang – senyumlah sedikit. 'Al-ibtisa musadakah' – ya? Jangan cengeh, jangan kata 'haram', buang televisyen, tetapi masuk bilik tengok TV kecil. *[Ketawa]* Tengok TV kecil pula bukan setakat tengok Michael Jackson sahaja, Michael 'tak' Jackson pun ada ustaz yang tengok! Setengah, bukan semua, nanti mereka suruh bercakap di luar dewan bicaralah pula!

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah ini berjalan dengan harta wakaf, sedekah atau atas belas kasihan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun ini! *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat. Apakah ulama tidak boleh melihat Konsert Michael Jackson?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Apa soalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah ulama tidak boleh melihat Konsert Michael Jackson?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa ulama yang buat thesis mengkaji latar belakang akhlak Michael Jackson dan lain-lain, boleh tengok untuk mencari 'al mau'izatul hasanah' atau 'al mau'izatul al mazmumah'! [Ketawa] Saya menyarankan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ada lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi ertinya, orang tidak ulamak ini boleh lihat Michael Jackson? Jadi, ulama ini tidak boleh lihat, tetapi dikecualikan dalam soal-soal tertentu. Kenapa Ahli Yang Berhormat membezakan di antara rakyat biasa dengan ulama dalam konteks ini?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Konsert Michael Jackson boleh dilihat! Boleh lihat! Semua orang boleh lihat! Tetapi kita ambillah values ataupun norma-normanya.... Ulama yang melihat Michael Jackson boleh dianggap

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Adakah dia ulama yang baik?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mungkin dia ulama yang baik kerana dia hendak cari yang tidak baik, hendak ceritakan kepada kita dan orang-orang yang macam Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya yang menyatakan bahawa konsert Michael Jackson itu tidak baik? Saya rasa Yang Berhormat telah menyatakan bahawa konsert Michael Jackson itu tidak baik, ya?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya tidak kata konsert Michael Jackson tidak baik, kerana itu Yang Berhormat punya perverted logic. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat berkata konsert Michael Jackson itu baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya..... pakai mikrofon.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan saya cabar kepada Yang Berhormat untuk mengumumkan di luar bahawasanya konsert Michael Jackson itu menurut pandangan Yang Berhormat bekas daripada pelajar Kolej Islam yang menyatakan bahawa konsert Michael Jackson itu adalah lebih banyak positif daripada negatif. Saya cabar kepada Yang Berhormat untuk membuat pengumuman di luar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bukan hendak minta penjelasan, nampaknya dia cabar.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia marah, saya tidak ada kata positif, saya suruh tengok yang mana negatif, yang mana positif, Yang Berhormat kadang-kadang hendak bercakap tidak fikir, itu kadang-kadang Padang Terap marah. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Larut. Yan bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat begini, adakah Larut bersetuju dengan saya sebenarnya Tumpat ini teringin sangat hendak tengok Michael Jackson tetapi Nik Aziz larang, jadi dia dok tanya kisah-kisah Michael Jackson dalam Dewan ini. Ini Yang Berhormat bersetuju atau tidak? Ini kalau boleh, awal-awal lagi sampai ni..... dia ni bukan kita tidak tahu. Dok teringin, hari ini kupiah pun tak pakai dah! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa jawapan itu terserah pada dia. Pada zahirnya dia nampak moleklah. Tetapi kalau yang nampak molek biasanya Perdana Menteri kata biarlah selalu nampak molek.

Saya menyarankan di sini supaya kementerian mengambil-alih sekolah-sekolah ini atau diberi bantuan sepenuhnya dengan syarat-syarat yang tertentu seperti kurikulumnya, masa belajarnya dan tiap-tiap sekolah itu mesti memerlukan kehendak duniawi dan ukhrawi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan adalah amat mustahak bagi menyampaikan maklumat-maklumat kepada orang ramai dan untuk hiburan masa hidup di dunia ini dan untuk mempelajari untuk akhirat. Kita ucapkan terima kasih kepada Tok Mat dengan berbagai-bagai langkah diambil walaupun tidak memuaskan semua hati orang. Dalam zaman terlampau moden dan sophisticated, dengan izin, adanya multimedia super corridor, Astro, Mega TV, Internet maka akan timbullah berbagai-bagai masalah yang akan dihadapi oleh masyarakat Melayu Islam khasnya yang iman mereka amatlah rapuh.

Program-program yang berunsur ganas, seks, rogol, menyamun, ketagih dadah, rompak bank hendaklah dihentikan. Beverly's Hill umpamanya, Power Rangers dan Ultraman adalah siri-siri televisyen yang mempengaruhi minda kanak-kanak dan remaja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya ada satu cadangan sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak kita kemukakan supaya ahli-ahli Parlimen juga mungkin boleh dilantik untuk menjadi lembaga pengarah censor, kemudian beri parabola yang besar letak di rumah kita, kita boleh tengok yang mana tidak elok kita censor di rumah dahulu, kemudian kita boleh beritahu kepada kerajaan. Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak? Dipilih Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasionallah untuk menduduki majlis tersebut?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa itulah tujuan saya tetapi maksudnya kurang nyata dalam ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita renung sejenak, RTM, TV3 dan lain-lainnya amatlah kita kesali bahawa peratusan tinggi tertumpu kepada hiburan semata-mata. Walaupun ada sedikit sebanyak ruangan agama, saya rasa belum mencukupi citarasa untuk menjadi ulama, untuk membawa mengajar orang ramai khasnya remaja untuk berilmu, beriman, beribadat dan beramal, bukan demo aje tetapi kita pun, serta berakhlak Islam.

Drama-drama spektra dan lain-lain lagi mempunyai tema yang tidak lebih dari dua ataupun tiga seperti ada girlfriend dan perkara-perkara yang menyeronokkan sahaja. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini pun ada censorship ke? *[Ketawa]*.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak banyak watak-watak atau episod yang boleh menambah ilmu atau akhlak Islam. Watak-watak ulama, ustaz-ustaz, guru-guru yang boleh menjadi teladan, bukan amanat Tok Guru. Jarang-jarang didapati supaya itu, adakala kita rela TV kita, RTM dan TV3 hanya memaparkan artis-artis sahaja. Yang menjadi masalah sekarang anak-anak muda lebih mengenali artis daripada nama Timbalan Menteri Kewangan. *[Ketawa]*.

Begitu juga majalah dan surat khabar lebih mengutamakan artis daripada pembangunan ekonomi dan politik. Ulama-ulama yang lepas, ulama-ulama yang sekarang tidak langsung ada rancangan-rancangan mengenai mereka yang menceritakan kejayaan-kejayaan mereka di mana mereka belajar dan lain-lain lagi. Masjid-masjid besar di dunia jarang kelihatan, melainkan dua tiga tahun sekali. Asal usul pemerintahan Islam berkuasa di Asia Tengah sampai ke Sepanyol umpamanya, Islam di negara serpihan Rusia tidak langsung dipedulikan termasuk kebesaran Islam di Tazkhan, Bukhara dan Samarkhan yang sama-sama saya melawat dengan Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu kepada agenda-agenda...

Seorang Ahli: Tak rugi bawa berjalan ni!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Kita tidak perlu kepada agenda-agenda yang menyekat minda anak-anak muda yang rapuh, daif, mudah luntur dan terpengaruh dengan budaya-budaya Barat yang menyeramkan. Saya mengalu-alukan siaran 24 jam yang dirancang oleh TV3. Semoga banyak program yang kreatif, inovatif seperti TV di Jepun. Banyak program, banyak agenda tertentu dan wawasan-wawasan yang ditunjuk di berbagai-bagai channelnya. Selain daripada agama dan hiburan, ada program-program yang menunjukkan bagaimana hendak menjadi peladang, ada program yang tunjuk bagaimana hendak jadi wakil rakyat, ada program yang tunjuk bagaimana hendak buat yang lain-lain dan berbagai-bagai lagi, hendak tanam sayur, hendak jadi penyanyi, ini semuanya banyak program yang akan membawa progres kepada negara untuk industri-industri mereka bagi semua lapisan minda dan semua program untuk semua lapisan penduduk. Murid-murid sekolah perlu kepada program masa, program pendidikan tetapi kebanyakan program pendidikan ini ditunjuk apabila mereka tidak ada di rumah. Bagaimana pulakah jika sekolah tidak ada televisyen?

Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat baru-baru ini telah berkata kementeriannya akan mewajibkan semua stesen TV dan radio mematuhi garis-garis panduan penyiaran. Guna bagi menentukan siaran mereka terpaksa mengambil langkah-langkah bagi menerapkan nilai-nilai moral dalam rancangan-rancangan mereka, iaitu:

- (i) mewujudkan pengampung maklumat di meja elektronik bertujuan menilai isi kandungan terutama bernilai moral budaya masyarakat bagi memenuhi kehendak peruntukan-peruntukan dan menepati garis panduan kerajaan.
Di sini tidak disebut akhlak Islam;
- (ii) satu set etika yang boleh digunakan oleh semua stesen atau media elektronik;
- (iii) menubuhkan satu badan bebas dianggotai oleh semua pihak media elektronik dengan tugas mementingkan moral tinggi dalam semua rancangan; dan
- (iv) setiap media elektronik mempunyai falsafah tersendiri mengenai peranan mereka dan tidak memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan lain.

Tuan Yang di-Pertua, garis-garis panduan ini adalah mustahak dengan adanya TV dan stesen-stesen media maklumat, tidak hanya mementingkan hiburan semata-

mata ataupun keuntungan semata-mata, bahkan moral dan nilai-nilai murni hidup masyarakat Timur yang penuh dengan ketertiban, adab resam dan agama Islam. Walau bagaimanapun, adalah tidak adil rancangan TV dipersalahkan, kerana ia sekadar mengambil alih tugas ibu bapa yang sibuk untuk mendidik dan membimbing anak-anak mereka dan kegagalan ibu bapa memainkan peranan adalah faktor utama ke arah keruntuhan akhlak khususnya di kalangan masyarakat Melayu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Larut. Dahulu kalau tidak silap saya pernah kementerian menjanjikan untuk sekurang-kurangnya waktu sesi Parlimen berjalan, satu rancangan mengenai Laporan Parlimen dihidupkan semula – ini sudah dinyatakan. Tetapi nampak gayanya sampai sekarang belum lagi dibuat secara penuh. Apa yang disiarkan oleh televisyen terutamanya rangkaian TV1 hanya petikan daripada beberapa soalan ataupun jawapan oleh menteri-menteri ataupun timbalan menteri.

Jadi, adakah Yang Berhormat dari Larut bersetuju dengan saya, sekiranya mulai daripada saat ini, hari ini RTM hendaklah menyiarkan sekurang-kurangnya setengah jam ataupun 45 minit laporan mengenai dengan Dewan Rakyat, sekurang-kurangnya orang kampung dapat tengok Yang Berhormat dari Larut menghujahkan sesuatu untuk kebaikan kepada rakyat?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya memang bersetuju sekurang-kurangnya hari ini cukuplah [*Ketawa*].....

Seorang Ahli: Ini tidak patut!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, untuk hari-hari lain juga, tetapi untuk menjawab soalan itu saya belum menjadi Menteri Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang haram, tanpa izin dan yang dengan izin berjumlah hampir 3 juta orang dari Bangladesh, Filipina, Thailand, Indonesia, Pakistan, Nigeria dan lain-lain lagi. Nampaknya kehadiran mereka sudah tidak boleh dikawal lagi, mereka termasuk 'Penggali' karpet. Kita hormat kepada semua ini

Seorang Ahli: 'Penggali' atau 'Benggali'?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 'Benggali'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan cuba berdialog. [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Kita hormati kepada semua pendatang ini, kita beri kerja, kita beri permit, kita orang yang baik di dunia, tetapi mereka membawa penyakit, berperangai jahat, suka mengacau gadis dan isteri-isteri orang Malaysia. Kalau kita pergi ke Pakistan, Bangladesh hendak tengok tumit pun tidak nampak. [*Ketawa*]. Bagi Benggali karpet pula,...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Selain dari menjual karpet, permaidani...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dato!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: ...mereka pula..

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan, bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Yan teringin?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasan. Saya hendak tahu fasal apa, kalau kita pergi ke Pakistan hendak tengok 'tumit' pun tidak boleh, dia boleh tutup semuanya atau macam mana? Saya tidak berapa faham, mungkin Yang Berhormat lain pun tidak faham juga. Betulkah Yang Berhormat iaitu 'Benggali' bukan 'penggali'?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa tidak beri chance, sebab itu dia pakai kain yang banyak – kita tidak nampak, tidak seperti di Eropah ataupun England. Jadi, tumit pun tidak nampak, punya 'kedekut', ha! itu dia!
[Ketawa]

Bagi Benggali karpet pula selain daripada menjual karpet, permaidani, mereka pula mengacau isteri-isteri orang [Ketawa] bila anak ke sekolah dan suami pergi kerja.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob yang telah mengharamkan penjualan karpet tanpa izin dan membuat undang-undang supaya yang kahwin dengan penduduk Malaysia 'boleh jalan' bawa isteri mereka balik ke negara-negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang haram banyak yang membawa penyakit pula saya rasa baiklah mereka diperiksa oleh doktor-doktor di Malaysia, bila mereka tiba (yang dengan izin) dan yang ditangkap, (yang haram) kerana kita tidak boleh percaya kepada doktor-doktor di negeri-negeri mereka, kerana kadang-kadang doktor-doktor mereka pun banyak penyakit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi kekosongan pekerja-pekerja ini saya mencadangkan supaya kerajaan dan swasta memberi peluang kepada kerja sambilan kepada isteri-isteri yang tidak bekerja seperti kerja sehari ataupun dua hari seminggu seperti yang sedang dilakukan di England, di Amerika dan di negara-negara maju. Firma-firma yang besar-besar, bank-bank dan semua industri perlu kepada pekerja-pekerja sambilan yang mana tidak menyusahkan kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1997 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah bersetuju supaya majikan-majikan mengadakan pusat jagaan anak (child care centre) dan firma-firma mendapat pengecualian dari cukai. Saya diberitahu tidak banyak yang melaksanakan perkara ini, di manakah letaknya social obligations, dengan izin, yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan? Kita boleh untung kerana negara aman, keuntungan itu hendaklah diagihkan unselfishly, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rumah kos murah, RM25,000. Saya bersetuju benar dengan saranan Yang Berhormat dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, yang mana rumah murah di luar bandar – besar-besar, berlainan saiz dan tanahnya dengan rumah-rumah murah yang berada di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Dengan cara ini sahajalah kita dapat memenuhi kehendak ramai penduduk Malaysia yang berpendapatan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga dirayu supaya menubuhkan petugas khas bagi mencari jalan menyelesaikan rumah terbengkalai dengan sikap lebih positif dan teratur, kerana mereka yang telah membayar harga tanah dan harga rumah, kadangkala tidak mempunyai rumah sampai hari ini, setelah berbelas-belas tahun mereka mengambil pinjaman dan membayarnya. Pinjaman perlu dibayar dan rumah yang diduduki kena sewa, di manakah ada 'al-adl wal-ihsan' lagi sekali? Semua ini sayar asa dapat diselesaikan melalui kuasa yang ada pada kementerian dan pengaruhnya bagi menyelesaikan perkara tersebut demi kebaikan semua pihak.

Peruntukan sebanyak berjuta-juta ringgit itu hendaklah diagihkan kepada majlis-majlis tempatan kerana masih banyak majlis tempatan yang tidak dijaga dengan baik oleh kerana pengagihan tidak sampai ataupun dianaktirikan.

Tuan Yang di-Pertua, askar-askar atau tentera-tentera di negara kita amatlah bertuah – mula kerja sampai pencen tidak berperang, lepas pencen masuk Persatuan Bekas Perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, yang anehnya sebagaimana saya pernah berkata di Parlimen yang mulia ini beberapa kali, tentera-tentera kita bukan mati dalam peperangan, bukan mati kerana lapar dan bukan mati kerana beramal, hanya mati dalam latihan, khususnya Tentera Udara.

Saya mencadangkan supaya kapal terbang-kapal terbang buruk itu buat latihan di atas tanah untuk mengenal spare parts sahaja – buka enjin, tutup enjin dan mengenali bahagian-bahagian enjin, bukan untuk terbang. Baru kali ini semua penerbangan helikopter Nuri diberhentikan – al-hamdulillah. Setelah mengikuti rekod, 64 orang terbunuh sejak tahun 1968 seperti berikut:

- 25hb. April, 1969 – 4 anggota TUDM terbunuh dalam nahas pertama membabitkan helikopter TUDM apabila terhempas di Kuching.
- 11hb. Mac, 1972 – 4 terbunuh apabila helikopter Nuri terhempas di Gambang, Pahang.
- 26hb. April, 1976 – 11 krew dan penumpang terbunuh apabila pesawat Nuri ditembak jatuh oleh pengganas di Hutan Simpan Kuala Muda, Gubir, Kedah.
- 25hb. April 1981 – Dua anggota TUDM terbunuh dan tiga belas lagi cedera dalam nahas helikopter Nuri ketika ribut di 30 notika dari Lapangan Terbang Kuching.
- 11hb. Julai 1981 – Sebelas penumpang terselamat apabila helikopter Nuri terhempas di Batu Melintang, Perak. Dalam banyak-banyak yang saya baca baru satu selamat.
- 21hb. November 1989 – Dua puluh satu terbunuh, termasuk lima belas anggota PPH dan keluarga terbunuh apabila helikopter Nuri terhempas.
- 28hb. Ogos 1990 – Pesawat membawa sembilan orang dalam latihan pertunjukan udara sempena menyambut Hari Merdeka terpaksa membuat pendaratan kecemasan di Rawang, Selangor.
- 16hb. Januari 1991 – Sebuah pesawat Nuri terhempas ketika membuat pendaratan kecemasan di sebuah estet di Kampung Parit Zin dekat Muar.
- 10hb. Jun – Enam anggota tentera terbunuh apabila helikopter Nuri terhempas dan meletup di Banding, Perak dan akhir sekali yang baru-baru ini jatuh ke laut dan tiga belum dapat diselamatkan dengan ada kematian dan kecederaan parah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia mana ada, bukan menjerit-jerit. *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan. Tadi, Larut berkata bahawa sukar kita ini sama ada mati dalam latihan ataupun pencen. Jadi, tidakkah berhasrat di hati Larut mencadangkan supaya askar-askar kita ini digunakan bersama untuk menghalang ataupun bertugas menghalang pendaratang-pendatang asing selain daripada polis sahaja. Sekarang ini kalau askar jumpa barangkali dia tidak...cuma sama sekali laut, tentera darat, semua berlatih. Kalau ditugaskan supaya bersama-sama dengan polis, menghalang daripada kemasukan pendaratang-pendatang asing ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan baik. Mungkin kita sampaikan kepada menteri-menteri berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, itulah gambaran kemalangan-kemalangan helikopter Nuri dan saya amatlah sedih atas kemalangan-kemalangan yang berlaku. Pihak bertanggungjawab tidak prihatin hinggalah sekarang ini baru penerbangan-penerbangan itu diberhentikan setelah berkali-kali saya memberitahu Parlimen yang mulia ini.

Langkah yang diambil ini amatlah bijak kerana sebagai negara maju, ekonomi baik, biarlah kita membeli pesawat-pesawat baru walaupun bilangannya kecil. Orang bukan nak tanya kita ada berapa kapal terbang, kita kata, kita ada baru semua tapi sikit pun tak apalah. Saya juga mengalu-alukan rancangan kerajaan supaya lebu-lebu raya dicadangkan untuk menjadi lapangan terbang ketika "emergency" iaitu "emergency landing", dengan izin dalam peperangan jika ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembanguinan luar bandar adalah agenda yang paling serius dan penting bagi penyokong-penyokong UMNO seluruh Malaysia. Belanjawan 1996 telah menetapkan amaun yang banyak untuk itu tetapi pelaksanaannya amatlah lembab oleh pihak berwajib. Masih banyak jalan-jalan kampung yang belum dibaiki atau dibina, ditarkan sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat.

Kebosanan rakyat amatlah dirasai di mesyuarat JKKK, mesyuarat-mesyuarat cawangan dan mesyuarat bahagian. Saya mencadangkan supaya kementerian mengkhaskan sekian amaun, katakan beberapa milion untuk Ahli-ahli Parlimen boleh meluluskan untuk mempercepatkan perancangan tanpa tender-tender yang penuh dengan "red tape". Sekiranya satu-satu projek itu dikemukakan, kadang-kala ianya mengambil masa begitu lama untuk meluluskan atau melaksanakan jalan-jalan kampung tidak sampai lima ataupun enam kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung tidak lagi bercadang untuk menjadi usahawan-usahawan besar bahkan mahu jalan pergi kerja - jalan kampung, walaupun mereka 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Saya mengalu-alukan semua agenda yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan menteri kewangan dan dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Senai.

5.56 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang bertajuk Belanjawan Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang menguruskan wang ringgit serta ekonomi Malaysia dengan bersungguh-sungguh sehingga ekonomi Malaysia dapat berkembang melebihi lapan peratus untuk selama lapan tahun berturut-turut dan kadarnya terus melonjak ke 9.5 peratus pada tahun 1995. Saya juga berasa bangga dan berterima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang istimewa ini.

Sepertimana yang kita sedia maklum, belanjawan tahunan merupakan satu alat pengawalan polisi mikro ekonomi kerajaan yang penting bagi jangka masa pendek. Melalui belanjawan tahunan inilah peruntukan dan keutamaan akan ditetapkan bagi pelbagai sektor dalam ekonomi. Cadangan belanjawan yang digariskan dengan bersungguh-sungguh adalah penting bagi menjamin kecekapan dan kos perniagaan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Indeks Harga Pengguna (IHP), kadar IHP telah meningkat ke 3.6 peratus bagi lapan bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan 3.5 peratus bagi tempoh yang serupa bagi tahun lepas. Untuk sepanjang tahun ini, IHP dijangka akan kekal pada 3.6 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pelancaran Kempen Inflasi Sifar pada 1 Julai lalu nampaknya belum terdapat kesan positif terhadap usaha mengawal inflasi di negara

kita. Memang tidak dinafikan kita sedang dilanda gelombang inflasi dan rakyat jelata menghadapi tekanan yang sangat menyusahkan. Kebanyakan laporan telah menyatakan barangan yang mengalami kenaikan harga melambung termasuklah makanan, bahan perubatan dan perbelanjaan penjagaan kesihatan. Adalah juga dilaporkan bahawa kadar sewa juga turut mengalami kenaikan yang tinggi. Walaupun kerajaan telah membenarkan langkah-langkah untuk mengawal harga barangan keperluan seperti roti, beras, tepung dan daging ayam namun begitu pakar-pakar ekonomi berpendapat bahawa kenaikan harga-harga barangan keperluan ini bukan semata-mata bergantung kepada harga bahan-bahan mentah atau "input" sahaja. Sebagai contoh kenaikan harga roti bukanlah hanya disebabkan kenaikan harga tepung semata-mata.

Ramai orang tidak mengambil kita faktor-faktor seperti kenaikan harga barangan dan perkhidmatan secara tidak langsung atau "input" secara tidak langsung. Kenaikan harga barang keperluan kebanyakannya disebabkan oleh kenaikan upah, tambang pengangkutan berikutan peningkatan kadar tol, kenaikan caj telefon, caj elektrik, bilik hotel, rumah sewa persendirian dan tempat perniagaan, caj perubatan di hospital atau klinik swasta dan sebagainya.

Dalam konteks ini, maka kenaikan harga jualan roti berkemungkinan lebih dipengaruhi oleh kenaikan harga caj sampingan yang disebutkan tadi. Ini adalah kerana orang-orang tengah yang enggan menanggung kenaikan kos ini terpaksa mengagihkan beban ini kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji peratusan kenaikan harga barangan dan membandingkannya dengan peningkatan mutu barangan berkenaan bagi memastikan kedua-duanya seimbang. Dengan kata lain, kenaikan harga sepatutnya setimpal dengan peningkatan kualiti barangan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memperkenalkan langkah-langkah yang dapat menggalakkan tabiat jimat-cermat, merancang perbelanjaan secara teliti dan tidak boros.

Satu aspek penting yang kita perlu galakkan ialah pengeluaran hasil pertanian. Kawasan pertanian tidak harus disempitkan dengan pembangunan industri sahaja sehingga satu masa nanti kita terpaksa mengemis kepada negara luar untuk mendapatkan makanan. Kalau ini belaku maka keadaan sosial politik negara akan menjadi kacau-bilau.

Kementerian Pertanian harus mengambil langkah baru bagi menggalakkan pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran. Ternakan ikan seharusnya dilakukan di seluruh negara. Nampaknya pembangunan negara kita hari ini adalah terlalu tertumpu kepada perindustrian. Sekiranya kita tiada perancangan negara yang teratur dan menyeluruh, saya khawatir kecenderungan ini akan membawa padah kepada masa depan rakyat.

Saya menyokong penuh ke atas langkah yang akan diambil oleh kerajaan dengan menyediakan kawasan tanah baru untuk pertanian dan rangkaian pengagihan yang berkesan. Sejumlah RM1.7 bilion akan disediakan untuk mengurus dan membangunkan pertanian, perikanan dan perternakan bagi tahun 1997 adalah digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak awam berasa bimbang terhadap trend peningkatan harga ubat-ubatan dan caj rawatan pakar sejak kebelakangan ini. Bukan sahaja golongan miskin, golongan sederhana turut merasai tekanan yang teruk. Kini lebih ramai orang cenderung memilih rawatan di klinik swasta yang dianggap perkhidmatannya lebih baik dan pantas. Pada masa yang sama, mereka terpaksa juga menanggung caj perubatan yang tinggi iaitu melebihi RM25 bagi setiap rawatan biasa.

Keadaan ini menjadi lebih ketara kebelakangan ini apabila harga ubat-ubatan kian meningkat. Bagi klinik-klinik pakar pula, kadar peningkatan cajnya adalah lebih

serius. Caj sebanyak RM500 bagi setiap cabutan gigi geraham bongsu bukan lagi perkara luar biasa, walaupun ianya hanya dianggap sebagai pembedahan yang begitu kecil dan mengambil masa lebih kurang 20 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan hospital swasta, adalah mereka mesti bersedia membayar caj-caj tinggi yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin memberi satu contoh. Di kawasan saya di Kulai yang mempunyai sebuah pusat kesihatan kecil dengan seorang doktor dan dua orang pembantu perubatan sahaja di mana setiap hari akan memeriksa dan melihat pesakit luar lebih daripada 200 orang. Jadi, contoh ini senang membuktikan di mana pesakit luar terpaksa pergi ke klinik swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendapat yang saya terangkan ini di mana orang ramai sengaja membayar untuk menggunakan perkhidmatan hospital swasta, pendapat ini adalah kurang tepat. Ramai orang telah kecewa dengan kekurangan hospital kerajaan yang biasanya tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan dan mengambil masa yang lama untuk menjalankan sesuatu rawatan sebagaimana yang telah saya terangkan sebentar tadi. Jadi, kerajaan tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya untuk terus memberi perkhidmatan perubatan yang memadai kepada rakyat jelata.

Bagi menggalakkan persaingan dan mengurangkan kos yang ditanggung oleh pesakit, saya menyokong usaha kerajaan untuk mengkaji semula pengenaan cukai perkhidmatan ke atas hospital persendirian. Akan tetapi, dengan adanya langkah ini sahaja tidak mencukupi. Saya berharap agar jenis ubat-ubatan asas yang lazimnya digunakan oleh kebanyakan klinik dan hospital dapat dijadikan sebagai "barangan kawalan" bagi mengelakkan eksploitasi dan kenaikan harga yang berterusan.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan bagi peralatan kecergasan, pemulihan serta bantuan perubatan yang masih dikenakan cukai supaya cukainya diturunkan atau dihapuskan. Di samping itu, insentif khas juga perlu diberikan kepada institusi-institusi perubatan swasta yang menawarkan perkhidmatan dengan bayaran yang murah kepada golongan berpendapatan rendah.

Pernah dinyatakan bahawa sekiranya tiada apa-apa dilakukan menjelang tahun 2000, maka di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang akan menghadapi lebih kurang 200 buah stesen pungutan tol. Keadaan sedemikian akan menjejaskan keberkesanan pembinaan dan penggunaan lebuh raya. Sistem kutipan tol yang lebih efisien dan berpatutan perlu dirancang dan digariskan mulai dari sekarang supaya pengguna lebuh raya tidak perlu berhenti banyak kali dan begitu lama untuk membayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kebanyakan syarikat yang telah mendapatkan projek ataupun perkhidmatan yang diswastakan oleh kerajaan telah menyeleweng dari matlamat asal mereka. Ini dapat dibuktikan daripada kenaikan caj yang tidak munasabah seperti caj-caj pemetungan, telefon, elektrik dan air.

Walaupun ekonomi negara ini tumbuh dengan pesat sekali, ianya telah menghasilkan sekelompok orang kaya yang dianggap sebagai opportunists yang mengambil kesempatan dari dasar penswastan ini untuk menokotambahkan kekayaan mereka. Di sebaliknya, tekanan inflasi berikutan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat ini lebih dirasai oleh rakyat jelata yang terdiri dari golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Kita harus berwaspada kepentingan rakyat jelata tidak diketepikan atas nama penswastan demi keuntungan besar syarikat-syarikat gergasi.

Berdasarkan kepada hujah-hujah saya di atas, izinkan saya bertanya, sedangkan kita boleh mengadakan tindakan tegas terhadap kenaikan harga barangan kawalan, kenapa pula harga input-input secara tidak langsung yang melambung tinggi dan dibiarkan berleluasa?

Tuan Yang di-Pertua, kempen "jualan sifar" bulanan di pasar-pasar raya pada setiap hari Sabtu pertama yang bertujuan asas untuk memberi peringatan mengenai inflasi telah menjadi "pesta membeli-belah". Sepatutnya harga barang-barang keperluan utama diberi penekanan supaya golongan yang berpendapatan rendah dapat menikmati harga yang berpatutan pada harga jualan tersebut, tetapi malangnya peniaga-peniaga telah mengambil kesempatan untuk memutarbelitkan kempen ini sehingga pengguna berbelanja lebih banyak daripada keperluan mereka.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus mengambil tindakan yang lebih tegas untuk memastikan kempen "jualan sifar" ini tidak disalahgunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, "inflasi sifar" ataupun "jualan sifar"?

Tuan Lim Si Cheng: Inflasi sifar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, bukan "jualan sifar"?

Tuan Lim Si Cheng: Inflasi sifar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau "jualan sifar" itu, teruklah akibatnya! [Ketawa]

Tuan Lim Si Cheng: Inflasi sifar. Minta maaf.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan kementerian ini perlu dijalankan dengan cara tidak merumitkan peniaga-peniaga. Sekiranya perkara ini berlaku, ianya akan meningkatkan kos perniagaan dan kemungkinan besar harga kos tambahan tersebut akan ditanggung oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menyedihkan bahawa harga barangan import dan hasil buatanya tetap tidak berubah walaupun nilai Yen mengalami penyusutan. Di sini, saya ingin bertanya apakah sebabnya harga-harga kereta tetap tinggi sekarang berbanding dengan tahun-tahun lepas? Walaupun gejala-gejala di pasaran pertukaran matawang asing jelas membuktikan harga barangan import sepatutnya dijual dengan harga yang lebih murah. Pada keseluruhannya Yen Jepun telah susut nilai sebanyak 20% berbanding Ringgit Malaysia sejak tahun lepas.

Saya percaya sekiranya harga alat-alat pengangkutan import dapat diturunkan harga berikutan susutnya nilai Yen maka ia akan memberi kesan yang besar kepada harga barangan tempatan, kadar inflasi dan ekonomi negara. Saya berharap kerajaan dapat mengambil peluang susutan nilai Yen ini dengan melaksanakan polisi-polisi penurunan harga barangan import Jepun terutamanya kereta, van, traktor dan alat-alat pemasangannya. Orang ramai sering khuatir harga barangan yang tidak berpatutan tidak wujud oleh kerana struktur pasaran dan sistem pengagihan negara kita tidak cekap dan kekurangan persaingan. Maka, ingin saya menyeru kerajaan memastikan sistem pasaran sentiasa berfungsi dengan unsur-unsur persaingan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, industri perkilangan di Malaysia bersifat nilai tambah yang amat rendah. Ini adalah disebabkan oleh pengimportan barangan modal dan perantaraan yang tinggi. Kita masih begitu bergantung kepada barangan modal yang diimport seperti 'machine tools' untuk membuat komponen-komponen dan sebagainya. Hakikatnya mendedahkan satu kelemahan besar, iaitu kita masih belum berupaya membuat barangan modal sendiri.

Saya perhatikan bahawa di negara maju seperti Jepun, Jerman dan Korea Selatan, dasar-dasar perindustrian telah digubal dengan tujuan menggalakkan pertumbuhan pengusaha-pengusaha dalam bidang pembuatan jentera, khususnya jentera perkakasan iaitu 'machine tools'.

Pada pertengahan tahun 80-an, sekumpulan profesor MIT di Amerika Syarikat pernah mengkaji masalah kemerosotan daya saingan industri automobil Amerika Syarikat jika dibandingkan dengan Jepun. Antara kesimpulan penting yang mereka rumuskan dalam sebuah buku bertajuk "*Made in America - Regaining the Productive Edge*" yang berbunyi seperti berikut:

"Adalah mustahil untuk mewujudkan perkilangan bermutu antarabangsa tanpa industri jentera perkakasan bertaraf antarabangsa. Sesebuah negara itu tidak mungkin memiliki jentera perkakasan yang terbaik jika semua jentera itu terpaksa diimport. Jentera perkakasan canggih adalah kekunci kepada kekuatan perkilangan sesebuah negara".

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan dan interaksi saya dengan tokoh-tokoh industri Jepun juga mengesahkan bahawa antara asas kekuatan perkilangan di Jepun ialah wujudnya industri jentera perkakasan yang berupaya tinggi. Keupayaan mereka itu telah dapat menjayakan proses perkilangan yang fleksibel serta cekap dalam mengeluarkan barangan bersesuaian dengan permintaan pengguna semasa yang sentiasa berubah.

Memandangkan kita sekarang sudah menceburkan diri dalam pembuatan kereta, motosikal, bas, kapal terbang, alat elektrik/elektronik dan pelbagai jentera lain, inginalah saya menggesa kerajaan supaya menitikberatkan pembangunan industri jentera perkakasan itu kerana ia merupakan tunjang kepada segala pembuatan jentera lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengeluaran lesen dan permit bagi sesuatu industri seharusnya ditetapkan oleh penawaran dan permintaan pasaran dan bukanlah oleh segelintir pengusaha dalam industri tertentu yang telah bertapak kukuh. Ini adalah kerana golongan ini berkemungkinan memberi alasan bahawa lesen atau permit yang sedia ada dalam pasaran telah berlebihan untuk mempertahankan kepentingan diri mereka. Pada hakikatnya ramai pengusaha baru masih boleh diserap ke dalam industri berkenaan.

Kerajaan tidak sepatutnya merasa bimbang tentang kapasiti berlebihan di sesuatu industri. Pengusaha-pengusaha yang gigih tetap akan mempunyai tempat tersendiri berhadapan dengan pelbagai saingan dalam pasaran. Kerajaan seharusnya membiarkan kuasa pasaran untuk menentukan bilangan lesen atau permit yang diperlukan oleh sesuatu industri atau perniagaan. Amalan sekarang yang menghadkan bilangan lesen dan permit boleh menjejaskan daya persaingan serta melindungi pengusaha-pengusaha yang kurang cekap. Lesen atau permit yang mudah diperolehi akan membenarkan pengusaha-pengusaha yang benar-benar berdaya saing untuk menguasai pasaran berkenaan. Dengan demikian, amalan jual beli lesen atau permit yang selalu kedengaran sudah pasti dapat dikurangkan. Amalan penyewa lesen yang berleluasa seperti sekarang juga dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meninjau daripada pengalaman pembangunan ekonomi negara maju lain seperti Jerman, Jepun dan Korea Selatan, didapati struktur ekonomi di negara-negara berkenaan dibentuk oleh beberapa industri tunjang seperti industri membuat kereta, jentera penerbangan, barangan elektrik dan elektronik yang seterusnya disokong oleh sebilangan besar industri kecil dan sederhana (IKS). Kini pembangunan ekonomi di negara kita pula sudah sampai satu tahap di mana kita juga memerlukan lapisan IKS yang berupaya menggunakan teknologi canggih untuk menyokong industri induk kita seperti pembuatan automobil, motosikal, barangan elektrik dan elektronik. Pengalaman dari negara maju menunjukkan bahawa dengan wujudnya IKS yang kukuh, ia akan membantu syarikat-syarikat besar dalam mengurangkan risiko semasa kemelesetan ekonomi.

Meskipun begitu, suatu kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa landasan IKS di negara kita masih lemah. Keputusan analisis kajian mendedahkan bahawa walaupun hampir 80% daripada bilangan pengusaha industri di sektor

pembuatan itu terdiri daripada IKS, mereka hanya menyumbangkan sebanyak 17.6% kepada nilai tambah. Sumbangan IKS dari segi penggunaan tenaga manusia pula hanya 17.9%. Didapati kebanyakan daripada mereka hanya terlibat dalam sektor tradisional seperti pembuatan makanan, minuman dan barangan kayu-kayan. Di samping ini, hanya 20% dari bilangan IKS berdaya mengeksportkan produk mereka.

Memandangkan kedudukan ini, pelbagai program pembangunan kemahiran dan perolehan teknologi perlu disediakan. Ini adalah penting kerana hanya dengan IKS yang berupaya mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang bermutu serta dengan harga yang kompetitif, barulah mereka dapat membantu syarikat-syarikat besar kita bersaing di pasaran antarabangsa.

Kekurangan yang dihadapi oleh IKS merupakan kekurangan program penyelidikan dan pembangunan, masalah memperolehi maklumat teknologi terkini, kaedah pengendalian berasaskan tenaga buruh, kekurangan infrastruktur khususnya tapak IKS dan masalah kekurangan dana pelaburan domestik. Sementara itu, kebanyakan IKS kini pula menghadapi tekanan berikutan kenaikan kos utiliti dan bayaran pengangkutan. Dalam keadaan yang serba salah ini, maka tidak hairanlah sekiranya terdapat pengusaha-pengusaha IKS yang terpaksa menaikkan harga barangan bagi menampung kos operasi mereka.

Oleh yang demikian bagi menggalakkan syarikat memberi bantuan teknikal kepada IKS, cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya perbelanjaan syarikat besar menjalankan pengauditan kilang, latihan pekerja dan menguji pengeluaran IKS dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai adalah satu cadangan yang tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan merupakan satu sumber pendapatan yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Sejak tahun 1988 pertumbuhan ekonomi negara adalah stabil dengan kadar purata 8% setahun. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang (1991-2000) meramalkan pertumbuhan ekonomi sekitar 7% dan 7.5% bagi dekad 90an yang merupakan salah satu pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sektor pelancongan dan perkhidmatan telah mencapai pertumbuhan dua angka yang melepasi ramalan awal dan merupakan salah satu penyumbang pelaburan terbesar dan peluang pekerjaan.

Dalam tahun 1995, terdapat seramai 14,125,602 orang pelawat telah melawat Malaysia. Daripada jumlah tersebut, Malaysia telah memperolehi pendapatan sebanyak RM9,927.8 juta. Secara keseluruhannya, sektor pelancongan adalah merupakan elemen tukaran wang asing yang terpenting untuk perkembanganimbangan pembayaran negara selepas sektor pembuatan dan minyak sawit. Saya berpendapat adalah wajar kerajaan menumpukan perhatian pada sektor pelancongan ini yang tidak melibatkan infrastruktur yang besar dan perbelanjaan yang tinggi. Galakan cukai dalam bentuk elaun cukai pelaburan diberikan kepada projek pelancongan sebagaimana yang dinyatakan dalam ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adalah disokong dengan sepenuhnya. Dengan cara yang demikian, kita dapat memperolehi keuntungan tanpa melibatkan pelaburan yang besar. Selain daripada itu, aspek-aspek lain seperti kesopanan pekerja hotel, pemandu teksi, pegawai imigresen dan sebagainya perlu dijaga untuk memastikan imej negara sebagai satu destinasi pelancongan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kemajuan ekonomi, perindustrian dan proses urbanisasi, struktur keluarga telah mengalami proses perubahan yang agak membimbangkan. Kini keluarga yang bersifat 'nukleus' terpaksa menghadapi banyak rintangan dan cabaran. Sehubungan itu, seringkali kita dikejutkan dengan isu-isu seperti masalah pembuangan bayi, masalah bohsia dan lepak di kalangan remaja, masalah keganasan rumah tangga dan lain-lain. Selain daripada itu, penghijrahan yang pesat pemuda-pemudi ke bandar juga menimbulkan masalah sosial yang amat membimbangkan. Kebanyakan pemuda-pemudi ini tidak menikmati nasihat dan tunjuk ajar seperti masa dahulu. Oleh yang demikian, kebanyakan mereka telah

terlibat dalam kegiatan jenayah dan maksiat. Ini nyata dari statistik gadis bawah umur yang diselamatkan kerana terlibat dalam kegiatan maksiat di seluruh negara.

Maka, saya rasa adalah wajar sekiranya kerajaan dapat menyediakan satus istem percukaian yang dapat memupuk institusi keluarga 'extended' (extended family) selain daripada mengubusuaikan waktu bekerja bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan. Saya menyokong penuh ke atas cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa segala sumbangan wang tunai daripada sektor swasta untuk membuat kajian dan melaksanakan kegiatan bagi membasmi masalah sosial diberi potongan cukai. Di samping itu, adalah diharap kerajaan juga memberi pelepasan cukai kepada majikan, kilang dan korporat-korporat yang menganjurkan kursus motivasi, produktiviti, keagamaan dan moral. Selain daripada ini, kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang penubuhan taman-taman asuhan di tempat kerja bagi mengatasi masalah penderaan dan menyokong pekerja-pekerja wanita yang mempunyai masalah penjagaan anak.

Saya juga berharap agar satu proses penerapan nilai-nilai agama, moral, etika, tradisi sosial dan budaya dipupukkan di semua lapisan masyarakat supaya ahli-ahli keluarga dapat membezakan buruk-baiknya sesuatu nilai akibat sistem maklumat yang tidak terbatas. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

6.25 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri kewangan yang kita kasihi. Negara ini sejak merdeka diperintah oleh Perikatan dan Barisan Nasional. Tidak pernah bertukar kerajaan di peringkat Pusat. Cuma satu ketika Pas berada di dalam kerajaan tahun 1974 hingga 1978. Tidak seperti di negara lain sering bertukar kerajaan, seperti di Thailand, di Jepun walaupun LDP yang kuat akhirnya bertukar kerajaan dan sekarang kembali berkuasa. Di India sering bertukar kerajaan, dan juga di Filipina.

Malaysia, negara yang 'bertuah' kerana tak pernah bertukar kerajaan. Dasar yang dirancang daripada sejak merdeka hingga sekarang, Jabatan Perdana Menteri adalah satu jabatan yang begitu luas kuasanya. Di situ lah adanya MAMPU, di situ ada Unit Perancang Ekonomi, di situ ada Unit Perancang Penduduk, di situ ada Unit Bahagian Agama dan lain-lain lagi. Ertinya, daripada sejak merdeka sampai sekarang satu kerajaan yang merancang bukan ada kerajaan-kerajaan lain untuk kita salahkan kerajaan yang terdahulu. Kalau di Sabah bolehlah dikatakan bila Berjaya naik disalahkan Umno. Bila naik Umno disalahkan Berjaya. Naik pula barisan Nasional disalahkan PBS, sebab kerajaan saling bertukar. Begitu juga di Kelantan, boleh misalnya pihak Pas menyalahkan BN dahulu. BN pula menyalahkan Pas, S.46 pula menyalahkan Pas dan sebagainya kerana kerajaannya sering bertukar.

Tetapi Kerajaan Pusat tidak pernah bertukar. Pegawai-pegawai kerajaan pula berhenti bila cukup umur ataupun kerana tindakan disiplin yang dikenakan kepada mereka. Pertukaran menteri-menteri berlaku secara tenang, tidak ada rampasan kuasa daripada satu Perdana Menteri ke satu Perdana Menteri. Ini keadaan dalam negara kita. Mereka yang buat perancangan dan diwujudkan pula Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian untuk merancang pembangunan di nergara kita bersama dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga kementerian-kementerian yang lain. Tetapi kita lihat apa yang berlaku kerajaan yang sama memerintah membawa masalah kepada rakyat, bukan membawa kebahagiaan kepada rakyat. Ini yang pelik bin ajaib yang kita lihat sepatutnya kalau lain kerajaan boleh kita salahkan, tetapi kerajaan yang sama.

Misalnya, saya sebut di sini, masalah pendatang izin dan tanpa izin dikatakan sekitar tiga juta. Kerajaan yang buat, kerajaan itulah yang memikul dan rakyat sekarang terpaksa pikul hasil daripada kesilapan kerajaan. Sepatutnya Jabatan Perdana

Menteri melalui Unit Perancang Ekonomi, melalui Unit Perancang Penduduk sudah beritahu bahawa kita perlukan sejuta pekerja ataupun setengah juta pekerja. Tetapi kita lihat diimport masuk pekerja itu sesuka hati dan yang membuat kerehah di Malaysia ialah Kementerian Dalam Negeri sendiri. Lesen-lesen untuk mengimport pekerja asing dikeluarkan oleh kementerian Dalam Negeri. Adik- beradik Timbalan Menteri Dalam Negeri terlibat dalam import buruh asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diminta sambung esok. Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.